



**MALAYSIA**

**MUNCHUL-NYA SEMULA  
ANCHAMAN KOMINIS  
BERSENJATA  
DI-MALAYSIA BARAT**

M  
322. 42095951  
MAL



MALAYSIA

MUNCHUL-NYA SEMULA  
ANCHAMAN KOMINIS  
BERSENJATA  
DI-MALAYSIA BARAT

430822

DI-CHEK DI-JABATAN CHTAK KERAJAAN  
OLEH MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, PENCHETAK KERAJAAN  
KUALA LUMPUR  
1971

m  
222 ARBORS  
MAL

**490955**

Hadiah

**23 MAY 198**  
Perpustakaan Ne  
Malaysia

# KANDONGAN

	PERENGKAN
<b>KATA<sup>2</sup> PENGANTAR</b>	
PENDAHULUAN ... ..	1-2
<b>LATAR BELAKANG DASAR</b>	
Arahan ... ..	3-8
<b>PENGUMPULAN TENAGA BERSENJATA</b>	
Penyusupan ... ..	9
Tunjok Kehandalan ... ..	10-14
Perubahan Strateji Penyusupan ... ..	15
Kawasan Sasaran ... ..	16-17
Sokongan Ra'ayat ... ..	18-20
Pengambilan Orang <sup>2</sup> Tempatan ... ..	21-22
Tektik Vietkong ... ..	23-24
<b>PERANAN GERAKAN BAWAH TANAH</b>	
Perubahan Chorak ... ..	25-27
Menifestasi Pertama ... ..	28-30
Dari Persediaan Kapada Mengambil Bahagian ... ..	31-35
Lojistik ... ..	36-38
Kawasan <sup>2</sup> Sasaran Yang Tidak di-Susupi ... ..	39
<b>BARISAN BERSATU PADA MASA LALU</b>	
Kedudukan Sekarang ... ..	40-41
Barisan Politik ... ..	42-46
Barisan Buroh ... ..	47-50
Barisan Penuntut ... ..	51-57
<b>PENUTUP</b> ... ..	58-61

## KATA<sup>2</sup> PENGANTAR

Dalam bulan Nobember 1968, ra'ayat negara kita telah di-ingatkan supaya berwaspada tentang anchaman yang benar<sup>2</sup> mengerikan terhadap keselamatan negara, di-datangkan oleh gulongan Kominis yang militen di-Malaysia Barat. Pihak Kominis itu telah meranchang hendak mengadakan sa-mula satu pemberontakan bersenjata sa-bagai satu<sup>2</sup>-nya chara untok merampas kuasa. Ranchangan<sup>2</sup> serta tipu muslihat-nya yang beranika chorak dan ragam itu telah di-dendakan oleh Kerajaan dalam satu KERTAS PUTEH yang berjodol "UNOK MENCHAPAI KUASA PENOH MELALUI KEKERASAN".

2. Ankara yang berlaku sejak itu mencherminkan bahawa usaha<sup>2</sup> Kominis hendak mewujudkan suasana yang sesuai untok pemberontakan bersenjata-nya itu sedikit sa-banyak telah pun berhasil. Kejayaan mereka itu ada-lah di-sebabkan ada-nya sokongan daripada sa-gulongan kechil penduduk negara ini yang tidak setia atau sudah terpedaya. Mujor-lah orang<sup>2</sup> saperti ini tidak ramai bilangan-nya.

3. Negeri Sarawak di-Malaysia Timor juga menghadapi anchaman bersenjata Kominis. Oleh sebab keadaan yang terdapat di-sana agak berbedza sedikit dengan Malaysia Barat, maka satu Kertas Puteh yang berasingan akan di-keluarkan mengenai keadaan keselamatan di-Negeri itu.

4. Orang ramai perlu sedar serta faham tentang ranchangan<sup>2</sup> Kominis untok menchapai matlamat-nya, yang jelas bertentangan dengan prinsip<sup>2</sup> RUKUNEGARA, supaya terjalin perhubungan yang lebeh rapat dan mesra antara ra'ayat dengan Kerajaan. Dengan demikian akan lebeh berkesan-lah kelak apa<sup>2</sup> langkah

yang perlu di-laksanakan oleh Kerajaan untuk menghadapi chabaran durjana pehak Kominis itu. Tujuan KERTAS PUTEH ini ia-lah untuk mendalamkan lagi kesedaran dan pengertian yang perlu ada pada ra'ayat.

5. Strateji Kerajaan menghadapi anchaman Kominis itu ada-lah melalui dua jurusan serentak, ia-itu memperhebatkan langkah<sup>2</sup> keselamatan dan memajukan ekonomi serta mengukuhkan perpaduan masharakat.

6. Sa-takat ini, anchaman pemberontakan bersenjata Kominis itu telah dapat di-sekat dengan jaya-nya. Kejayaan ini ada-lah hasil daripada kewaspadaan, ketekunan dan pengorbanan pehak Pasokan Keselamatan. Dalam menjalankan tugas-nya, pehak Pasokan Keselamatan telah menerima banyak bantuan daripada ra'ayat, berupa ma'alumat dan sokongan yang bernilai.

7. Perjuangan menentang pemberontakan atau kedurjanaan Kominis ini tidak akan berjaya kalau bergantung sa-mata<sup>2</sup> pada kekuatan senjata. Perjuangan yang lebeh penting, untuk menchapai kemenangan yang muktamat dan keamanan yang berkekalan, sa-benar-nya ia-lah di-bidang kemajuan sosial dan ekonomi. Hanya masharakat yang bersatu padu dan adil dapat menjadi benteng bagi mencheegah kegiatan<sup>2</sup> sabersif Kominis.

8. Serentak dengan langkah<sup>2</sup> keselamatan, Kerajaan, dalam Ranchangan Malaysia Kedua telah juga melancharkan langkah<sup>2</sup> ekonomi dan sosial bagi memperchepatkan penanaman modal dan perkembangan ekonomi, dengan perpaduan nasional melalui kema'amuran sa-bagai matlamat-nya. Ra'ayat Malaysia dari sa-tiap lapisan masharakat boleh-lah mengharapkan masa hadapan yang lebeh terjamin serta penoh dengan peluang<sup>2</sup> untuk hidup ma'amur dan bersatu padu.

9. Dengan berpandukan kapada RUKUNEGARA, dan dengan ada-nya pula berbagai langkah yang akan di-laksanakan di-bawah Ranchangan itu, kita di-negara

ini sudah sedia berazam untok memasoki suatu zaman baru yang memerlukan ketekunan dan dedikasi bagi menchiptakan masharakat Malaysia yang ma'amur dan padu.

10. Kerajaan, dengan sokongan ra'ayat yang setia, berazam tidak akan memberi peluang langsung kepada pehak Kominis menjalankan apa<sup>2</sup> angkara untok mengkhianati Malaysia baru yang sedang kita bina ini. Saya yakin penoh ra'ayat negara ini akan memberikan sokongan kepada Kerajaan dalam apa jua langkah<sup>2</sup> yang di-fikirkan perlu, dengan kesedaran bahawa inilah pengorbanan yang di-kehendaki daripada mereka demi menjamin keamanan, kema'amuran dan keselamatan negara.



TUN (DR) ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,  
*Timbalan Perdana Menteri*  
*merangkap*  
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,*  
*Malaysia*

Tarikh: 1hb Oktober, 1971

# **MUNCHUL-NYA SEMULA ANCHAMAN KOMINIS BERSENJATA DI-MALAYSIA BARAT**

## **PENDAHULUAN**

Dalam bulan Jun 1968, Parti Kominis Malaya (PKM) mengumumkan maksud-nya hendak memarakkan sa-mula pemberontakan bersenjata untuk merampas kuasa politik. Parti itu mengeneipkan sama sa-kali segala chara berpelembagaan untuk menchapai matlamat-nya serta menjelaskan ranchangan<sup>2</sup> yang hendak di-jalankan-nya bagi menimbulkan suasana yang sesuai untuk kembali kapada peperangan gerila.

2. Kerajaan telah menerbitkan sa-buah Kertas Puteh dalam bulan Nobember tahun itu untuk memaklumkan kapada ra'ayat bahaya yang akan di-hadapi Negara terbit daripada kemungkinan timbul-nya sa-mula perjuangan bersenjata Kominis itu. Semenjak itu, keadaan sudah banyak berubah dan keadaan ini perlu di-maklumkan kapada ra'ayat supaya mereka lebeh faham dan sa-terus-nya bertindak dengan penoh keazaman di-samping Kerajaan bagi menghanchorkan musoh yang choba memaksakan kehendak-nya ka-atas ra'ayat dengan kekuatan senjata.

## **LATAR BELAKANG DASAR**

### **ARAHAN**

3. Dalam bulan Jun 1968, apabila pehak PKM mengumumkan niat-nya hendak mengulangi pemberontakan bersenjata, maka ternyata-lah bahawa ia telah gagal dengan strateji perjuangan terbuka dan menurut undang<sup>2</sup>. Sa-chara tidak langsung ini juga jelas menunjojkan betapa kuat-nya pemerentahan demokerasi berparlimen di-negara ini, kerana sa-tiap tindak tandok Parti Kominis Malaya itu untuk mendapatkan kuasa telah berakhir dengan kegagalan belaka.



4. Dalam bulan Jun 1969, Parti itu mengeluarkan satu lagi kenyataan, mengumumkan suatu helah baru dalam dasar pemberontakan bersenjata-nya. Pengumuman itu di-buat sa-baik sahaja berlaku kekachauan antara kaum pada 13 Mei di-Malaysia Barat, yang segera di-pergunakan-nya sa-bagai menanggok di-ayer keroh. Dalam kenyataan itu, PKM choba menyalahkan dan menudoh Kerajaan bertanggung-jawab terhadap kekachauan tersebut, dan dengan chara halus bermuslihat mereka sa-olah<sup>2</sup> menyeru di-timbulkan sa-mula pergadohan antara kaum konon-nya untok membayar "hutang darah" bagi mereka yang menderita dalam kekachauan itu. Kenyataan PKM itu berkata:

"Komplot Rahman-Razak, sa-telah menanggalkan topeng 'demokrasi' mereka yang sudah lapok, dengan ganas-nya telah membunuh ra'ayat Malaya sa-chara berleluasa, terutamanya orang<sup>2</sup> kaum China, dan dengan terang<sup>2</sup> memaksakan pemerintahan fasis tentera dalam negeri . . . . .".

5. Kenyataan itu menggesa ra'ayat supaya jangan melupakan apa yang di-katakan "hutang darah" ini dan juga mereka yang konon-nya bertanggung-jawab, dan ra'ayat dari semua kaum dalam negeri ini hendak-lah menentang Kerajaan dan jangan takut kapada-nya. Seterus-nya ia menyeru ra'ayat dari semua kaum:

"supaya masuk Tentera Pembebasan . . . . . Angkat Senjata! Menubuhkan pasokan<sup>2</sup> mempertahankan diri! Bersungguh<sup>2</sup> menentang penindasan dan pembunuhan oleh musuh dan mempertahankan kepentingan sendiri! Bangun-lah bertindak dan dengan sa-chara positif lancharkan Peperangan Ra'ayat!"

6. Kenyataan ini di-susuli pula dengan satu lagi kenyataan pada 25 April 1970, konon-nya sa-bagai memperingati ulangtahun ke-40 tertuboh-nya PKM. Dalam kenyataan tersebut PKM choba mempertahankan pendirian baru-nya berkenaan dengan soal perkauman. Menurut Parti itu, ia telah membuat kesilapan di-masa lampau kerana memandang soal perkauman ini sa-bagai terlalu berat dan dengan demikian membenarkan pendapat itu mempengaruhi Parti supaya menerima perjuangan mengikut Perlembagaan sa-chara

aman sa-bagai chara yang tunggal untuk merebut kuasa. Kesilapan dasar itu, menurut-nya, ada-lah di-sebabkan keadaan<sup>2</sup> yang di-luar kuasa Parti pada masa itu, dan PKM menghujahkan bahawa per-gadohan kaum tidak akan berlaku sekira-nya perjuangan bersenjata itu berasaskan perjuangan berkelas.

Kata-nya:

"Masharakat kita terdiri dari beberapa kaum, terdiri kebanyakan-nya dari orang<sup>2</sup> Melayu, China dan India serta lain<sup>2</sup> kaum yang kecil. Sunggohpun Parti kita semenjak di-tubuhkan telah giat bergerak di-kalangan ra'ayat jelata . . . . . soal penting menganalisa samaada tenaga penggerak revolusi dalam negeri ini hendak di-dasarkan pada kelas ataupun pada kaum belum lagi di-putuskan . . . . ."

"Asas pendirian Parti kita dalam tahun 1954 ia-lah bahawa orang<sup>2</sup> China dan India ada-lah kaum mendatang dan orang<sup>2</sup> Melayu sa-bagai bumiputra. Oleh kerana tidak ada suasana yang sesuai untuk mendapatkan kerjasama orang<sup>2</sup> 'Melayu' yang konon-nya suatu tenaga penting, maka tidak dapat-lah perjuangan bersenjata di-teruskan; dan lagi, sekira-nya di-teruskan juga perjuangan bersenjata, Parti kita akan membantu pehak penjajah dengan membangkitkan kekacauan antara kaum . . . . ."

"Pada hakikat-nya, soal kaum itu jika di-analisa betul<sup>2</sup> ada-lah sa-benar-nya soal kelas. Walau pun soal perkauman di-Malaya mempunyai chiri<sup>2</sup>-nya tersendiri . . . . . akan tetapi jika kita berdasarkan pada pandangan kelas mengikut fahaman Marx dan Lenin serta Ajaran<sup>2</sup> Mao Tse Tung maka baru-lah kita dapati kesimpulan yang betul atas soal tenaga penggerak revolusi dalam negeri kita."

7. Oleh yang demikian, bagi PKM, ia telah pun memberikan hujah<sup>2</sup> yang perlu untuk menyokong dasar-nya melancharkan pemberontakan bersenjata terus-terusan tanpa memperkirakan akibat-nya dari segi perkauman.

8. Dasar pemberontakan bersenjata PKM itu telah pun di-mulakan dan di-lakukan dalam dua bentuk yang sa-lari—satu menuboh dan menambahkan bilangan tentera<sup>2</sup> PKM di-bumi Malaysia dan, satu lagi, mengadakan susunan penyokong bawah tanah di-kalangan ra'ayat jelata yang akan menjadi tapak bagi melancharkan pemberontakan bersenjata. Strategi serampang dua mata ini telah pun di-gunakan dengan agak jaya-nya.

## PENGUMPULAN TENAGA BERSENJATA

### PENYUSUPAN

9. Sejak akhir tahun 1968 lagi, unit<sup>2</sup> bersenjata Pasokan Penganas Kominis (PPK) telah menyeberangi sempadan dengan Negeri Thai menyusup masuk ka-dalam wilayah Malaysia. Tujuan penganas<sup>2</sup> itu ia-lah untuk masuk ka-kawasan<sup>2</sup> yang dahulu-nya menjadi sarang kegiatan<sup>2</sup> PPK sa-masa Dharurat yang pertama. Tetapi rupabumi kawasan<sup>2</sup> ini serta kawasan<sup>2</sup> hutan di-sekeliling-nya sudah banyak berubah di-sebabkan ranchangan<sup>2</sup> pembukaan tanah sa-menjak kebelakang-an ini dan penganas<sup>2</sup> yang di-hantarkan ka-dalam wilayah Malaysia itu sa-bilangan besar-nya ada-lah rekrut<sup>2</sup> baru. Dengan demikian mereka yang men-cheroboh itu terpaksa membiasakan diri dengan keadaan<sup>2</sup> baru yang mereka tempohi sa-belum sampai ka-kawasan<sup>2</sup> yang menjadi sasaran tumpuan mereka. Apabila sahaja mereka sudah biasa dengan keadaan rupabumi tempat<sup>2</sup> itu mereka pun mula bergerak lebeh jauh ka-dalam serta lebeh kerap. Sejak kekachauan 13 Mei 1969, makin kerap-lah penyusupan itu berlaku, dengan tujuan hendak mengambil kesempatan daripada keadaan gelisah yang terdapat pada masa itu.

### TUNJOK KEHANDALAN

10. Pada 24 Julai 1969 pehak PPK melakukan pembunohan-nya yang pertama ka-atas sa-orang awam di-bumi Malaysia apabila sa-gerombolan penyusup Penganas Kominis (PGK) melelar sa-orang perempuan China dari rumah-nya dalam sa-buah kampung perlombongan yang terpenchil di-Sintok, Kedah dan menembak-nya hingga mati di-hadapan penduduk<sup>2</sup> di-situ. Pembunohan ini di-lakukan sa-bagai membalas dendam ka-atas perempuan itu kerana ia-nya sa-orang bekas ahli PPK yang telah menyerah diri kepada pehak berkuasa. Tiga hari kemudian-nya, Penganas<sup>2</sup> Kominis itu menyerang-hendap satu unit kecil Pasokan Keselamatan yang di-hantar ka-kawasan tersebut untuk menyiasat peristiwa itu.

11. Pada 25 Oktober 1969, Penganas<sup>2</sup> Kominis telah memasang periok-api sa-panjang sa-bahagian jalan antara Changloon dengan Sadao di-kawasan sempadan

Malaysia/Thailand, dan choba menyerang-hendap satu pasokan konvoi Pasokan Keselamatan Malaysia tetapi gagal.

12. Pada 10 Disember 1969, PPK melakukan pengkhianatan-nya yang pertama di-kawasan Malaysia dengan meletopkan jambatan keretapi di-Kok Mak dekat dengan pekan sempadan Padang Besar, di-Perlis, lalu menabor<sup>2</sup>kan bendera dan risalah Komunis sa-bagai menunjok<sup>2</sup>kan kebolehan mereka.

13. Pada malam 14 Disember 1969, anasir<sup>2</sup> Pengganas Komunis menyusup masok ka-Padang Besar lalu menembak tiga das ka-hala Balai Polis di-situ sa-bagai peringat akan keganasan-nya.

14. Keganasan<sup>2</sup> yang sengaja dan berturut<sup>2</sup> ini dilakukan dengan dua tujuan. Pertama, pehak PPK berasa perlu memboktikan bahawa mereka benar<sup>2</sup> hendak melaksanakan niat untok kembali melakukan peperangan bersenjata di-kawasan Malaysia sa-bagaimana yang telah di-hebah<sup>2</sup>kan dan da'ayah yang paling berkesan di-kalangan ra'ayat jelata pada jangkaan mereka ia-lah dengan menunjokkan, kebolehan gerilanya. Kedua, mereka kira perbuatan itu akan menjadi suatu dorongan kapada penyokong<sup>2</sup>-nya supaya lebeh bersemangat.

#### PERUBAHAN STRATEJI PENYUSUPAN

15. Tindak tandok menunjokkan kehandalan pada peringkat permulaan ini nampak-nya sekarang telah berubah kapada menjauhkan diri dengan berhati<sup>2</sup> supaya tidak bertembong dengan Pasokan Keselamatan. Namun demikian mereka kerap jua dapat di-kesan oleh Pasokan Keselamatan. **Strateji baru yang utama sekarang ia-lah Strateji menyusup lebeh jauh ka-dalam, yang mana sudah tentu memerlukan pergerakan<sup>2</sup> sa-chara sulit di-dalam hutan.** Dengan menggunakan strateji ini beberapa gerombolan Pengganas Komunis telah pun berjaya menyusup masok ka-kawasan<sup>2</sup> tertentu yang terletak jauh ka-dalam Negeri Kedah, Perak dan Kelantan.

## KAWASAN SASARAN

16. Kawasan<sup>2</sup> ini di-pilih dengan sengaja untuk di-jadikan tapak bagi menyusup lebeh jauh lagi kerana kawasan<sup>2</sup> ini—yang dalam masa dharurat yang pertama terkenal sa-bagai “kawasan hitam”—pernah dapat mereka pengaruhi. Pada jangkaan Kominis itu bekas<sup>2</sup> penyokong PPK dan saudara mara mereka boleh-lah di-harapkan memberi sokongan ramai yang di-kehendaki. Bukti strategi PPK ini terkandung di-dalam risalah-nya yang di-rampas. Risalah<sup>2</sup> itu menyatakan:

“Tugas<sup>2</sup> sekarang ia-lah untuk meneruskan usaha<sup>2</sup> menambahkan kekuatan, mengukoh dan memperluaskan pengkalan<sup>2</sup> gerila, meluaskan kawasan pergerakan ka-kawasan<sup>2</sup> yang besar di-sudut utara (Nota: tujuan-nya sa-belah utara Malaysia Barat), meneruskan sa-mula kerja<sup>2</sup> di-kalangan ra'ayat jelata luar bandar, menubuhkan badan<sup>2</sup> bawah tanah, meneruskan gerakan<sup>2</sup> massa ra'ayat dan meluaskan peperangan gerila;

“Dengan bersungguh<sup>2</sup> menggiatkan pemberontakan bersenjata di-kawasan ‘M’ dan, dari sa-langkah ka-salangkah, terus menubuhkan sa-buah Pasokan Kerja Bersenjata. Di-kawasan ‘M’, kerja yang di-utamakan ia-lah menghasut ra'ayat jelata dan bertempur tidak di-pentingkan sangat. Sa-bagai langkah yang pertama untuk menchapai maksud ini, wajar-lah di-tubuhkan ‘pusat<sup>2</sup>’ dan bibit<sup>2</sup> pertubohan<sup>2</sup>, dan seterusnya melalui ‘pusat<sup>2</sup>’ ini, meluaskan kerja<sup>2</sup> massa ka-tempat<sup>2</sup> lain. Pasokan Kerja Bersenjata hendak-lah chukup sedia untuk berperang dan hendak-lah melancharkan pertemporan bila<sup>2</sup> di-fikirkan tentu menang. Di-tempat<sup>2</sup> Pasokan Kerja Bersenjata tidak boleh sampai, usaha<sup>2</sup> perlu-lah di-jalankan untuk menubuhkan pasokan<sup>2</sup> gerila tempatan supaya dapat bertindak menyerang musuh . . . . .”

Dan dalam arahan<sup>2</sup> yang di-beri oleh ketua satu pasokan penyusup Penganas Kominis kepada timbalan-nya sa-masa ketiadaan-nya :

“Untuk membereskan soal bekalan makanan, kerja dalam dua tempat ini boleh di-majukan. Tempat<sup>2</sup> ini ia-lah yang berhampiran dengan X (nama tempat) dan X (nama tempat) di-Kedah Selatan yang termasuk sama jiran-nya X (nama tempat) di-Perak. Ada beberapa kebun getah kepunyaan orang China di-kedua<sup>2</sup> tempat ini. Penduduk-nya rapat dengan kita dan mereka mudah di-hubongi. Kerja ini akan di-serahkan kepada Saudara XXX yang akan di-bantu oleh beberapa orang kawan<sup>2</sup>. Berkenaan dengan X (nama kawasan), ramai daripada pekerja<sup>2</sup>-nya ada-lah progresif . . . . Saudara XXX tahu akan hal ini. Dan juga kita mudah berhubung dengan tempat ini . . . . .”

17. Dengan ini jelas-lah bahawa PPK memang berniat hendak menggunakan tempat<sup>2</sup> yang dahulu-nya menjadi kubu Komunis sa-bagai batu lunchatan untuk menubuhkan rangkaian pangkalan<sup>2</sup> gerila ka-seluruh Semenanjung bagi di-jadikan tapak pelancaran peperangan bersenjata-nya kelak. Strategi Komunis ini terbukti sedikit sa-banyak telah berjaya, jika di-kaji daripada perkembangan<sup>2</sup> yang telah berlaku.

#### SOKONGAN RA'AYAT

18. Sa-bagai chontoh-nya ia-lah kawasan Kulim di-Kedah dan Sungai Siput di-Perak. Kedua<sup>2</sup>-nya ada-lah kawasan "hitam" pada masa Dharurat pertama dulu dan sekarang merupakan kawasan yang pesat dengan berbagai<sup>2</sup> kegiatan<sup>2</sup> Pegganas Komunis, akibat penyusupan gerombolan<sup>2</sup> PPK sejak 24 bulan yang lalu. **Helah menggunakan saudara mara dan sahabat handai pegganas<sup>2</sup> Komunis itu dengan giat-nya supaya memberi sokongan terbukti daripada apa yang di-cheritakan oleh beberapa orang yang terlibat sa-telah mereka di-tangkap:**

##### Kes A

"Dalam bulan Oktober 1970, XXX memberitahu saya yang dia telah bertemu dengan empat orang Pegganas Komunis di-Ladang X, dan sa-orang daripada Pegganas Komunis itu ia-lah anak laki<sup>2</sup> XXX di-X (nama tempat), dan apabila Pegganas<sup>2</sup> Komunis itu bertemu dengan-nya mereka bertabek kapada-nya . . . . .":

##### Kes B

"Saya mula berkenalan dengan Pegganas Komunis XXX tahun 1959/60 masa dia bekerja sa-bagai atenden lori dengan Sharikat X di-X (nama tempat). Jadi, bila dia menemui saya minta pertolongan membelikan dia sedikit bekalan . . . . . saya tak dapat menolak kerana persahabatan kami . . . . .":

##### Kes C

"Kemudian saya mendapat tahu ia-itu Pegganas Komunis XXX ada bau<sup>2</sup> bachang dengan saya. Oleh itu saya tidak ada jalan lain, dan mahu tak mahu terpaksa menolong dia bila<sup>2</sup> di-minta";

##### Kes D

"Dalam bulan Nobember 1970, saya di-beritahu oleh XXX yang dia telah bertemu dengan satu pasokan tujuh orang Pegganas Komunis di-ketuai oleh Pegganas Komunis XXX

yang dahulu-nya tinggal di-X (nama tempat) . . . . .  
Pada masa itu, Pengganas Kominis XXX sudah berjumpa dengan kakak-nya”.

19. Di-Kelantan, Daerah Tanah Merah merupakan satu<sup>2</sup>-nya kawasan sasaran yang di-ranchang oleh PPK untok di-cherobohi. Penyusupan pengganas ka-dalam kawasan ini di-buat khusus dengan tujuan hendak menubuhkan segera pangkalan<sup>2</sup> hutan gerila dan men-chari sokongan di-kalangan ra'ayat luar bandar untok pemberontakan bersenjata. Kejayaan yang sedikit sa-banyak di-perolehi oleh PPK dalam segi ini ada-lah terbukti daripada petikan<sup>2</sup> berikut kenyataan Peng-ganas<sup>2</sup> Kominis yang pernah bergerak di-kawasan itu, sa-telah mereka menyerah diri atau di-tangkap:

#### Kes A

“Pada penghujung bulan Mei 1969, unit Pengganas Kominis XXX tiba di-X (nama kawasan) lalu membuat khemah. Untok mengetahui keadaan tempatan pada masa itu dan membaharui pengaruh pertubohan (Nota: PPK) di-kawasan itu, Pengganas Kominis XXX mengarahkan gerombolan kecil meninjau<sup>2</sup> ka-kampong itu. Gerombolan yang pertama di-sambut baik oleh orang<sup>2</sup> kampong. Dua pasokan yang datang kemudian-nya juga menerima sambutan yang baik”.

“Sa-telah di-beri tugas lain untok memasoki kawasan X itu, gerombolan Pengganas Kominis XXX berpindah ka-pangkalan X (nama tempat) dan dari sana dia menghantar gerombolan<sup>2</sup> kecil supaya membuat perhubungan dengan ra'ayat di-kampong<sup>2</sup> yang berhampiran . . . . .

“Satu gerombolan di-bawah Pengganas Kominis XXX yang saya menjadi ahli-nya telah di-arahkan masuk ka-Kampong X. Mula<sup>2</sup> kami hubongi XXX, sa-orang yang amat bersimpati dengan Kominis . . . . . Melalui dia kami telah dapat memasoki kampong itu dan di-kenalkan kepada ketua kampong tersebut bernama XXX. Tidak lama lepas itu semua orang tahu kami ada di-sana . . . . .

“Sa-telah beberapa kali kami melawat . . . . . Pengganas Kominis XXX dapat pertolongan orang<sup>2</sup> kampong untok membeli bekalan makanan kami. Sa-lepas itu, kami tidak lagi kekurangan makanan. Orang<sup>2</sup> kampong itu biasa-nya membeli bekalan<sup>2</sup> itu dari X (nama tempat). Pada satu masa Pengganas Kominis XXX menyuruh XXX membelikan kami beras dan pakaian di-Kota Bharu . . . . .”.

#### Kes B

“Kira<sup>2</sup> pada penghujung bulan Februari 1970, ka-semua unit itu meninggalkan kem lalu menuju ka-sempadan Malay-sia. Sa-telah sampai ka-wilayah Malaysia, kami membuat pangkalan di-kawasan X . . . . .

"Satu pasokan peninjau di-hantar keluar ka-kampong<sup>2</sup> yang berhampiran tiap<sup>2</sup> tiga hari sa-kali untuk menghebahkan da'ayah Kominis, mengutip risekan berkenaan dengan pergerakan Pasokan Keselamatan di-kawasan itu, dan menyusun perjumpaan<sup>2</sup> kechil di-kalangan ra'ayat . . . . .

"Kami berjaya mendapat 12-15 orang penyokong di-kawasan ini dan dengan pertolongan mereka kami dapat bekalan<sup>2</sup> makanan yang chukop dan tidak putus<sup>2</sup> . . . . .".

dan juga dalam pengakuan yang di-buat oleh sa-orang yang bersimpati dengan Pengganas Kominis dan pembekal makanan, sa-telah dia di-tangkap:

"Dalam tahun 1955 . . . . . masa saya melawat ka-Kampong X, saya berjumpa dengan lima orang Pengganas Kominis yang datang ka-rumah XXX kerana mengambil makanan . . . . . Kemudian daripada itu, saya telah beberapa kali bertemu dengan Pengganas Kominis . . . . . lalu rapat dengan-nya . . . . .

"Dalam bulan Nobember tahun 1968 . . . . . sa-orang Pengganas Kominis perempuan . . . . . memberi tahu saya bahawa Pengganas Kominis XXX hendak berjumpa dengan saya . . . . . Lawatan pertama Pengganas Kominis XXX ka-rumah saya pada hari itu merupakan permulaan bagi banyak lagi lawatan oleh dia dan gerombolan-nya ka-Kampong X. Dalam bulan Januari 1969, XXX datang ka-rumah saya . . . . . dan memberi tahu saya yang Pengganas Kominis XXX hendak menemui kami semua . . . . .

"Penganas Kominis XXX . . . . . berkata yang kami tidak akan menemui sa-barang kesulitan membeli apa saja bekalan yang di-perlukan oleh Pengganas<sup>2</sup> Kominis itu. Sa-telah bekalan<sup>2</sup> itu di-perolehi, penduduk<sup>2</sup> hendak-lah menyimpan-nya di-rumah masing<sup>2</sup>, dan Pengganas<sup>2</sup> Kominis akan datang mengambil-nya pada hari<sup>2</sup> yang sesuai kapada mereka . . . . .

"Kira<sup>2</sup> pada penghujung tahun 1969 . . . . . kami di-X (nama kawasan) mendapat hasil tanaman yang baik. Satu hari Pengganas Kominis XXX datang . . . . . dan menyerahkan wang \$500 kapada saya minta belikan beras . . . . .

"Daripada awal hingga akhir tahun 1970 . . . . . mereka berulang alek ka-X (nama kawasan) tiga hingga lima orang sa-kali . . . . . Biasa-nya Pengganas<sup>2</sup> Kominis itu datang waktu pagi dan balek lewat petang atau malam . . . . .

"Penganas<sup>2</sup> Kominis itu datang ka-X (nama kawasan) hanya untuk mengambil bekalan makanan. Pengganas Kominis XXX tidak perlu menjalankan kerja<sup>2</sup> daayah bagi menarek hati ra'ayat jelata di-situ . . . . . oleh sebab kebanyakan daripada penduduk<sup>2</sup> di-kawasan itu memang menjadi penyokong kuat Pengganas Kominis . . . . .".



20. Pertubohan Penganas Kominis tidak menghadkan exploitasi-nya kepada menggunakan perhubungan sentimen atau pertalian darah saja untuk mendapat sokongan daripada penduduk<sup>2</sup> tempatan bagi gerombolan<sup>2</sup> penyusop-nya. Malahan ugama juga di-gunakan nya dengan berpura<sup>2</sup> dan tidak segan silu untuk mencari sokongan, sa-bagaimana terbukti daripada kenyataan sa-orang bekas Penganas Kominis yang bergerak di-Kelantan, sa-telah dia menyerah diri :

“Sa-masa tinggal sa-kejap di-X (nama tempat di-kawasan sempadan Malaysia-Thailand), untuk mendapatkan sokongan ra'ayat, Penganas Kominis XXX telah menolong mereka menyelesaikan masaalah<sup>2</sup> mereka, malahan sembahyang bersama<sup>2</sup> di-masjid. Sa-bagai hasil-nya menerima chukup bekalan makanan dari ra'ayat . . . . .

“Penganas<sup>2</sup> Kominis dari Regimen ke-10 berpura<sup>2</sup> merapatkan diri dengan ra'ayat dan sentiasa menda'ayahkan kononnya Parti menghormati adat resam dan ugama mereka . . . . . Mithal-nya, mereka tahu orang<sup>2</sup> Melayu tidak makan sa-tengah<sup>2</sup> binatang hutan saperti kera, babi hutan atau gajah. Untuk meyakinkan orang<sup>2</sup> ini mereka sengaja menembak binatang<sup>2</sup> ini lalu menanam-nya di-depan orang Melayu itu. Tetapi di-belakang mereka, Penganas<sup>2</sup> Kominis Melayu makan apa barang saja, termasuk babi hutan.

“Penganas<sup>2</sup> Kominis juga sembahyang di-masjid bersama<sup>2</sup> orang ramai. Saya sendiri berbuat begitu beberapa kali . . . .

“Tembelang PPK akan terbuka sa-telah ra'ayat masuk ka-dalam kumpulan-nya. Bagi mereka yang kuat iman-nya PPK chuba menggonchangkan keperchayaan mereka dengan menanamkan semangat revolusi Kominis. Mereka tidak dapat dan tidak di-benarkan sembahyang di-dalam hutan. Kapada orang<sup>2</sup> baru yang enggan makan daging binatang hutan saperti babi, Penganas Kominis menyatakan kapada mereka oleh sebab kekurangan makanan dan bagi menjaga kesehatan badan, mereka kena-lah makan daging<sup>2</sup> itu. Kalau mereka tidak sehat, mereka tidak dapat mengambil bahagian dalam revolusi. Apa yang berlaku kapada Penganas Kominis XXX, sa-orang rekrut yang sangat 'alim, ada-lah satu chontoh yang amat terang. Sa-telah di-pujok<sup>2</sup> oleh Penganas Kominis XXX, di-tambah pula oleh tekanan keadaan sa-keliling, dia akhir-nya mengikut saperti orang<sup>2</sup> lain . . . . .”

(Nota—Rejimen ke-10 PPK bergerak di-Kelantan.)

## PENGAMBILAN ORANG<sup>2</sup> TEMPATAN

21. Pengambilan orang baru dari kalangan anasir<sup>2</sup> pro-Kominis tempatan untuk menganggotai gerombolan<sup>2</sup> penganas bagi menambahkan kekuatan bersenjata telah berjalan beberapa lama. Ini-lah usaha

yang amat penting dalam rancangan PPK yang bermaksud untuk menubuhkan sa-mula serta membanyakkan lagi pangkalan<sup>2</sup> gerila-nya. Hal ini dapat di-ketahui dengan jelas-nya daripada kandungan risalah yang di-perolehi, kepunyaan sa-orang ahli gerombolan penyusupan Penganas Kominis. Risalah ini membutirkan satu persatu tugas<sup>2</sup> yang mesti di-jalankan sa-masa melakukan penyusupan, ia-itu:

“Dengan bersungguh<sup>2</sup> menubuhkan sa-mula dan membanyakkan pangkalan<sup>2</sup> revolusi di-dalam wilayah Malaya sa-bagai satu langkah ka-hadapan bagi memperhebatkan peperangan;

“Meluaskan Min Yuen (gerakan ra'ayat) dengan bantuan pemberontakan bersenjata. Memperkuatkah dan meluaskan persediaan bagi pemberontakan ra'ayat jelata di-kalangan pelbagai kaum yang menderita akibat dasar<sup>2</sup> chauvinisma dan penindasan nasional.

“Menghubongi semula dan menyusun barisan revolusi tempatan untuk di-jadikan unit<sup>2</sup> bersenjata dan sa-paroh bersenjata. Orang<sup>2</sup> yang sesuai akan di-beri latihan selama beberapa hari dan kemudian-nya di-beri pistol, periok<sup>2</sup> api dan bom<sup>2</sup> tangan. Unit<sup>2</sup> bersenjata ini mengandongi tiga hingga lima orang, akan di-jadikan sa-bagai 'sel bawah tanah tempatan'. Jika perlu, bantuan tentera sa-chara kechil-kechil akan di-beri kepada para pejuang ra'ayat supaya dapat mereka memecah-belahkan kekuatan dan tumpuan tenaga tentera musuh;

“Perlu-lah dengan giat-nya merekrut anggota<sup>2</sup> baru sa-ramai mana yang dapat dari wilayah Malaya untuk di-jadikan Unit<sup>2</sup> Penggempor tetapi perlu-lah berhati<sup>2</sup> terhadap penyusupan pengintip<sup>2</sup> musuh. Selanjut-nya, perlu-lah berwaspada dari 'keadaan<sup>2</sup> burok'—saperti serangan<sup>2</sup> tentera musuh, pindahan paksa ka-atas ra'ayat dan gerakan<sup>2</sup> mengawal bekalan makanan. Tujuan-nya ia-lah untuk memperluas dan berjuang dengan pesat-nya bagi mengukuhkan Unit<sup>2</sup> Penggempor, tetapi jika sekira-nya keadaan mengancam sa-suatu Unit Penggempor, pengundoran sementara ka-wilayah Thailand boleh-lah di-timbangkan bagi menyusun langkah<sup>2</sup> selanjut-nya”.

22. Kem Penganas Kominis yang di-jumpai pada 13 Jun 1971 di-kawasan Chemor, di-selatan Sungai Siput di-Perak ada-lah satu<sup>2</sup>-nya chontoh yang baik bagai-mana strateji penyusupan ini telah di-gunakan dengan berkesan. Ini-lah satu chontoh yang jelas menunjukkan kejayaan yang mampu di-chapai oleh pihak PPK untuk memajukan rancangan<sup>2</sup> pemberontakan bersenjata-nya sekira-nya ia mendapat sokongan dari penduduk walau bagaimana kechil pun.

## TEKTIK VIETKONG

23. Tektik Vietkong telah di-gunakan dengan meluas oleh gerombolan<sup>2</sup> penyusupan Pengganas Kominis dalam gerakan<sup>2</sup> serangan dan pertahanan-nya. Kawasan<sup>2</sup> hutan dan denai, dengan sa-wenang<sup>2</sup>-nya, di-pasangkan dengan periok api dan perangkap maut untok menghalang gerakan<sup>2</sup> Pasokan Keselamatan tanpa menghiraukan bahaya-nya kapada orang<sup>2</sup> kampong yang bergantung pada hasil<sup>2</sup> hutan.

24. Ada bukti yang terang bahawa PPK telah men-chontohi tektik<sup>2</sup> dan pengalaman Vietcong. Ini terbukti dalam satu kenyataan yang di-buat oleh sa-orang Peng-ganas Kominis, yang menyerah diri, yang telah di-beri latehan<sup>2</sup> seperti itu sa-belum dia di-hantar ka-kawasan Malaysia sa-bagai sa-orang anggota segerombolan penyusup:

"Saudara XXX telah di-tugaskan bersharah dan mengajar teori dan tektik tentera dalam peperangan Vietnam; tektik Vietkong menembak kapal terbang; chara<sup>2</sup> membuat terowong dan peparit dan alat<sup>2</sup> tempahan maut ala Vietkong . . . . .

"Kami di-ajar memasang perangkap maut seperti ranjau pada kayu menggunakan paku<sup>2</sup> 3"-6" dan meletakkan-nya di-tempat<sup>2</sup> Pasokan Keselamatan mungkin mencari perlindungan (ia-itu di-sakeliling pokok<sup>2</sup> dan di-tepi denai); atau ranjau pada bola besi . . . . .

"Kami juga telah di-ajar menggunakan bahan<sup>2</sup> letupan, seperti menyisipkan obat bedil yang di-letupkan dengan kuasa letrik di-chelah<sup>2</sup> pokok<sup>2</sup> besar di-kawasan<sup>2</sup>/jalan<sup>2</sup> yang mungkin di-lalui oleh Pasokan Keselamatan, sa-bagai satu chara menchegeh serang balas; menggantung periok<sup>2</sup> api letrik di-atas pokok<sup>2</sup> dan memasang periok<sup>2</sup> api yang meletup sa-rentak. Satu lagi chara ia-lah menggunakan 'Molotov cocktails'. Kami juga telah di-ajar bagaimana hendak meletupkan jambatan dan membinasakan bangunan."

## PERANAN GERAKAN BAWAH TANAH

### PERUBAHAN CHORAK

25. Sa-tahun sa-belum keluar-nya kenyataan Parti bulan Jun 1968, Parti Kominis Malaya sa-benar-nya telah pun menyusun ranchangan<sup>2</sup> untok mengubah chorak sechara terator bagi semua kegiatan terbuka Barisan Bersatu-nya kapada kegiatan bawah tanah

supaya sesuai dengan tujuan hendak melancarkan pemberontakan bersenjata. Perintah<sup>2</sup> untuk memulakan perubahan ini telah di-berikan dalam suatu arahan rahsia pada pertengahan tahun 1967 yang menyatakan:

"Apa-kah bentuk perjuangan yang patut di-ikuti? . . . . . Yang paling penting ia-lah perjuangan bersenjata ra'ayat jelata ia-itu Perang Ra'ayat. Apa yang di-katakan 'chara aman', 'chara perlembagaan' dan 'chara berparlimen' kesemua-nya ada-lah revolusi palsu belaka . . . . .

"Parti<sup>2</sup> progresif sayap kiri, kesatuan<sup>2</sup> sekerja dan pertubohan<sup>2</sup> massa yang revolusioner mesti . . . . . beransor<sup>2</sup> merevolusikan ra'ayat jelata sa-hingga mereka sanggup . . . . . melancarkan Perang Ra'ayat.

" . . . . . meresap masuk ka-dalam masyarakat bandar, perbadanan<sup>2</sup>, lombong<sup>2</sup>, ladang<sup>2</sup>, kampong<sup>2</sup> sekolah<sup>2</sup> dan pelbagai kumpulan, berikan perhatian berat kepada kawasan<sup>2</sup> luar bandar, jalankan daayah di-kalangan ra'ayat dan pimpin mereka dengan baik.

" . . . . . beratkan kerja<sup>2</sup> bawah tanah . . . . . dan jalankan terus menerus berbagai<sup>2</sup> jenis perjuangan terbuka supaya perjuangan bawah tanah tidak terpenchil . . . . . hebatkan perjuangan bawah tanah dan kokohkan kubu<sup>2</sup> bawah tanah untuk memastikan . . . . . bahawa kita tidak kekurangan sumber<sup>2</sup> kekuatan dalam menghadapi kedzaliman musuh . . . . ."

26. Ini di-ikuti pula dengan satu lagi arahan rahsia yang di-keluarkan pada awal tahun 1968, yang berupa pendahuluan kepada rayuan rasmi Parti Komunis Malaya dalam bulan Jun tahun itu supaya di-lancarkan pemberontakan bersenjata. Arahan itu mengingatkan:

"Keadaan sekarang nyata menunjukkan bahawa pehak musuh telah memperhebatkan penindasan-nya . . . . .

"Bagi menyesuaikan diri kita dengan keadaan<sup>2</sup> yang demikian, kita hendak-lah menjalankan chara perjuangan yang sa-paroh terbuka dan sa-paroh rahsia, sa-paroh halal dan sa-paroh haram . . . . . Ini bermaana kita menggunakan dua chara revolusi dua jurusan sa-bagai menghadapi chara dua jurusan anti-revolusi . . . . .

"Berikutan dengan perkembangan perjuangan kelas . . . . . ada-lah sangat mustahak . . . . . bagi kita benar<sup>2</sup> bijak bertukar kepada chara separoh terbuka dan separoh rahsia, separoh halal dan separoh haram daripada chara terbuka dan halal . . . . .

"Semua kader<sup>2</sup> yang di-buru oleh musuh dan tidak boleh lagi bergerak dalam barisan terbuka hendak-lah dengan penoh tekad bergerak bawah tanah, menubuhkan pertubohan<sup>2</sup> bawah tanah dan meneruskan perjuangan di-bawah tanah . . . . .

27. Arahan yang paling penting telah di-keluarkan dalam bulan Ogos 1969 berikutan dengan kekacauan perkauman 13 Mei tahun itu. Arahan itu dengan terang menghuraikan peranan gerakan bawah tanah bagi mewujudkan keadaan<sup>2</sup> yang sesuai untuk perjuangan bersenjata. Sa-tiap aspek kegiatan bawah tanah yang harus di-laksanakan mengikut keadaan baru telah diterangkan dengan jelas-nya supaya kader<sup>2</sup> benar<sup>2</sup> faham apa yang mesti di-lakukan. Menurut arahan itu:

"Keadaan dalam negeri sudah sesuai bagi melancarkan satu perjuangan bersenjata . . . . . Satu pergolakan revolusi baru sudah pasti akan berlaku.

"Dalam keadaan yang demikian bagaimana-kah kita hendak menjalankan perjuangan? Bagaimana-kah kita patut menyahut dan melaksanakan dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya seruan penting yang terkandung dalam kenyataan<sup>2</sup> Parti?

"Dengan menerbitkan akhbar<sup>2</sup>, membahagi<sup>2</sup>kan risalah, menampal dan menulis slogan . . . . . bagi memastikan ra'ayat jelata benar<sup>2</sup> mengetahui hujjah revolusi . . . . . membangkit dan mengapi<sup>2</sup>kan perasaan benchi ra'ayat jelata terhadap musuh supaya mereka dapat di-satu padukan untuk melancarkan perjuangan bersenjata (mendidek ra'ayat supaya senentiasa ingat akan hutang darah pehak musuh dalam peristiwa '13 Mei' dan lain<sup>2</sup> kejadian).

"Dengan bersungguh<sup>2</sup> besar<sup>2</sup>kan keperwiraan Tentera Pembebasan Nasional . . . . . galakkan saudara<sup>2</sup> revolusioner yang telah mengambil keputusan untuk mengangkat senjata . . . . . supaya masuk Tentera Pembebasan Nasional . . . . .

" . . . . . dengan tabah beratkan kerja<sup>2</sup> revolusi di-desa<sup>2</sup>, terutama-nya di-kampung<sup>2</sup> Melayu dan pangkalan<sup>2</sup> lama yang telah terpengaruh sa-chara mendalam dengan perjuangan bersenjata . . . . . gerakkan dengan penoh-nya tenaga ra'ayat jelata yang menjadi asas, bawa masuk anggota<sup>2</sup> bawah tanah, adakan pertubohan<sup>2</sup> bawah tanah . . . . . dan rintis jalan untuk melancarkan perjuangan bersenjata.

"Kader<sup>2</sup> dalam parti<sup>2</sup> politik progresif yang terbuka . . . . . hendak-lah dengan penoh azam mengubah chara<sup>2</sup> bergerak, masuk ka-bawah tanah dan teruskan perjuangan . . . . . Dalam lapangan terbuka pula, tinggalkan hanya sa-bilangan kechil orang<sup>2</sup> yang sesuai sahaja untuk menjalankan kegiatan<sup>2</sup> yang menasabah.

"Jalankan apa<sup>2</sup> ikhtiar untuk mendapat senjata<sup>2</sup> api dan dengan beransor<sup>2</sup> adakan pertubohan<sup>2</sup> pertahanan diri yang bersenjata atau sa-paroh bersenjata . . . . .

"Perhebatkan ajaran mengenai kelas . . . . . berikan perhatian khas kepada pengambilan kader<sup>2</sup> revolusioner dari bangsa Melayu untuk menggembeling tenaga ra'ayat jelata Melayu melalui mereka . . . . .

"Perhebatkan kegiatan<sup>2</sup> penuntut dari berbagai kaum di-sekolah<sup>2</sup> menengah dan universiti<sup>2</sup> . . . . . bantu mereka menuju ka-jalan revolusi di-bawah pimpinan Parti Kominis.

"Luaskan perhubungan dengan kaum borjuis, . . . . . besar<sup>2</sup>kan perasaan tidak puas hati mereka terhadap musuh supaya pehak musuh lebeh tersisih.

"Pilih orang<sup>2</sup> yang sesuai untuk menyusupi di-kalangan pekerja<sup>2</sup> Tentera/Polis boneka dan rijim boneka dan hanchorkan tunggak tempat musuh bergantung bagi meneruskan pemerintahan-nya.

" . . . . . chegah penyusupan oleh musuh . . . . . bangkitkan perasaan benchi di-hati ra'ayat jelata terhadap pengintip<sup>2</sup> musuh dan anjing<sup>2</sup> buruan-nya dan ikhtiarkan chara<sup>2</sup> yang sesuai untuk menghapuskan sa-tengah pengkhianatan dan pengintip yang amat di-benchi itu . . . . .

"Kita mesti dengan penoh azam mula berusaha mengepong bandar<sup>2</sup> dari desa dan merampas kuasa politik dengan kekerasan bersenjata, marakkan api Perang Ra'ayat ka-seluruh negeri, pastikan kemusnahan kaum imperialis dan kelik<sup>2</sup> reaksioner dalam negeri dan di-tengah<sup>2</sup> api yang bersemarak itu lahirkan Republik Ra'ayat Malaya."

## MENIFESTASI PERTAMA

28. Dalam bulan April 1970, bukti<sup>2</sup> kemajuan yang terchapai dalam kegiatan bawah tanah sa-hingga itu telah ketara dengan berlaku-nya satu kempen menyebarkan risalah daayah Kominis, menampal poster dan memasang bendera di-seluruh negara. **Perangkap<sup>2</sup> maut letupan telah di-gunakan buat pertama kali-nya bagi memperhebatkan kesan propaganda yang berthemakan revolusi militen—suatu kempen yang di-luaskan hingga ka-Singapura.** Beberapa kemalangan telah berlaku ketika alat<sup>2</sup> yang berbahaya itu hendak di-tanggalkan. Bukti<sup>2</sup> bertulis yang di-perolehi oleh Polis dalam penyiasatan menunjukkan bahawa anasir<sup>2</sup> bawah tanah itu telah menggunakan ajaran<sup>2</sup> buku<sup>2</sup> untuk membuat alat<sup>2</sup> letupan dari bahan<sup>2</sup> yang mudah di-dapati.

29. Inspirasi yang mendorong kempen ini jelas datang-nya dari arahan yang terbaharu itu dan merupakan permulaan bagi banyak lagi kegiatan daayah seperti itu. **Sa-buah pertubohan bawah tanah yang menggelarkan diri-nya "Barisan Pembebasan Nasional Malaya" (BPNM) ada-lah bertanggung-jawab bagi memulakan kegiatan ka-arrah ini dan ada bukti<sup>2</sup> bahawa lain<sup>2</sup> badan**

sulit serupa itu juga telah di-tubuhkan dengan tujuan hendak mewujudkan sokongan ra'ayat jelata, yang perlu untuk meneruskan perjuangan bersenjata.

30. Bahawa arahan<sup>2</sup> Parti Komunis Malaya (PKM) itu telah di-fahami benar<sup>2</sup> untuk di-laksanakan oleh Komunis bawah tanah ada-lah ternyata daripada perentah<sup>2</sup> panjang lebar yang di-edarkan dalam bulan Jun 1970 oleh BPNM untuk di-patohi oleh kader<sup>2</sup>-nya sendiri. Arahan<sup>2</sup> itu berbunyi:

"Perubahan<sup>2</sup> baru yang berlaku dalam suasana politik di-kawasan<sup>2</sup> musuh telah mengubah asas 'perjuangan berpelembagaan' yang telah berjalan semenjak lebeh daripada sa-puluh tahun dahulu. Apa yang di-katakan parti<sup>2</sup> pembangkang sekarang sudah di-gantikan dengan Tentera Pembebasan PKM yang benar<sup>2</sup> bergerak sa-bagai pusat mengeluarkan arahan . . . . .

"Dasar kita ia-lah untuk menguat dan mengukuhkan pertubuhan, mengembangkan kekuatan revolusi, mengatorkan angkatan revolusi bersenjata dan bersedia mencheborkan diri kita untuk berperang . . . . .

"Ini-lah dasar penyelarasan dengan perjuangan bersenjata di-bawah pimpinan PKM sa-masa mara dengan lebeh positif dari 'persediaan bersenjata' kapada 'mengangkat senjata' . . . . . Pertubuhan kita memikul tugas sejarah yang amat penting . . . . . Semua kerja<sup>2</sup> dan perjuangan mesti, sa-chara langsung atau tidak langsung, di-selaraskan dengan perjuangan bersenjata. Di-kawasan<sup>2</sup> yang di-duduki musuh, langkah<sup>2</sup> hendak-lah di-ambil beransor<sup>2</sup> untuk mengembangkan perjuangan ka-arrah perengkat perjuangan bersenjata . . . . .

"Berpandukan kapada dasar<sup>2</sup> ini, kerja<sup>2</sup> dan tugas kita sekarang ada-lah saperti berikut:

'Saudara<sup>2</sup> di-pelbagai perengkat hendak-lah membuat rancangan . . . . . dengan maksud untuk mengkaji . . . . . Karya<sup>2</sup> Pengurusi Mao mengenai taktik<sup>2</sup> dan strateji yang berhubung dengan Perang Ra'ayat . . . . .

' . . . . . kelas<sup>2</sup> latehan khas untuk kader<sup>2</sup> hendak-lah di-adakan . . . . . Ada-lah juga penting mereka di-ajar asas<sup>2</sup> ketenteraan dan pengetahuan mengenai hutan . . . . .

'Mengajar hal<sup>2</sup> senjata dalam berbagai<sup>2</sup> chara, termasuk membuat dan membeli senjata; menchari jalan membaiki chara membuat periok api dan dengan beransor<sup>2</sup> membentok pertubuhan<sup>2</sup> bersenjata atau sa-paroh bersenjata bagi pertahanan diri . . . . .

'Pergerakan penuntut ada-lah bahagian yang penting dalam pergerakan revolusi . . . . . Oleh itu ada-lah mustahak memperkuatkan kegiatan<sup>2</sup> penuntut di-sekolah<sup>2</sup>

**menengah dan universiti<sup>2</sup> . . . . . menggalakkan mereka supaya menuju ka-arrah revolusi bersenjata di-bawah pimpinan Parti Kominis.**

‘. . . . . bangkitkan perasaan orang ramai supaya lebeh mendalam kebencian-nya terhadap musuh bagi menyatu padukan mereka untuk melancharkan perjuangan bersenjata . . . . .

‘Memesatkan pengajaran mengenai kelas . . . . . mementingkan latehan bagi kader<sup>2</sup> revolusioner Melayu supaya mereka dapat membangkitkan semangat ra‘ayat jelata Melayu . . . . . dengan giat-nya jalankan kerja<sup>2</sup> mendidik dan menyatu-padukan Orang<sup>2</sup> Asli.

‘Dalam menjalankan kerja<sup>2</sup> di-luar bandar dan merekrut bakat anggota kita mesti mengambil kebanyakan-nya daripada pekerja<sup>2</sup>, kaum tani, dan lain<sup>2</sup> buroh yang miskin kerana . . . . . mereka-lah paling berkehendakkan . . . . . dan paling tabah menjalankan revolusi. Walau bagaimana pun . . . . . kita mesti mengembangkan kerja<sup>2</sup> organisasi kita dalam semua bidang . . . . . memupok berhubung dengan kaum borjuis pertengahan dan kechil . . . . . supaya mereka dapat memahami bahawa kepentingan mereka tidak dapat di-pisahkan dari kepentingan revolusi . . . . .

‘Mengikut susunan kita sekarang, kita hendak-lah menguatkan kerja<sup>2</sup> organisasi di-berbagai<sup>2</sup> ‘tempat’ supaya meluaskan pengaruh kita, memperbaiki perhubungan kita, dan mengembangkan sel<sup>2</sup> bawah tanah . . . . . Di-Kawasan<sup>2</sup> yang kita telah bertapak kuat, komred<sup>2</sup> pada ‘am-nya hendak-lah mengutamakan memberikan latehan giat kepada tokoh<sup>2</sup> utama di-kawasan yang berkenaan . . . . . merekrut anggota<sup>2</sup> biasa bagi menambahkan kekuatan pertubohan . . . . . Di-kawasan<sup>2</sup> yang baru berkembang atau di-sa-tengah<sup>2</sup> tempat di-mana kita belum bertapak kuat, hendak-lah beri perhatian kepada soal keselamatan dan teknik . . . . .

‘Berjaga<sup>2</sup> dengan rapi supaya pertubohan tidak di-susupi oleh pengintip<sup>2</sup>, ejen<sup>2</sup> khas, anasir<sup>2</sup> boneka musuh . . . . .

‘Bila<sup>2</sup> . . . . . sesuai . . . . . jalankan serangan<sup>2</sup> mengejut dan serangan<sup>2</sup> ganggu terhadap musuh di-kawasan<sup>2</sup> yang di-dudoki-nya; adakan berbagai<sup>2</sup> bentuk perjuangan sa-chara kekerasan, seperti memasang sepandok merah, menyebarkan daayah bertulis, memasang alat<sup>2</sup> letupan dan sa-bagai-nya; selaraskan kegiatan dengan perjuangan bersenjata Tentera Pembebasan Nasional dan dalam wilayah<sup>2</sup> gerila; ganggu musuh, serang dan halang gerak geri musuh sa-bagai membantu perjuangan bersenjata sa-chara langsung atau tidak langsung; wujudkan keadaan<sup>2</sup> yang perlu bagi meluaskan perjuangan bersenjata dan dengan beransor<sup>2</sup> memimpin ra‘ayat ka-jalan revolusi sa-chara kekerasan!’  
‘. . . . .’



## DARI PERSEDIAAN KAPADA MENGAMBIL BAHAGIAN

31. Tidak shak lagi arahan<sup>2</sup> PKM ini mana<sup>2</sup> penting telah pun di-laksanakan. Pada masa ini, Barisan Bersatu boleh di-katakan tidak ujud lagi dan peralehan kapada kegiatan bawah tanah seluroh-nya telah selesai. **Ada-lah nyata gerakan bawah tanah telah maju dari peringkat persediaan kapada peringkat mengambil bahagian dalam menubuhkan pengkalan<sup>2</sup> gerakan gerila sa-bagai langkah awal bagi perjuangan bersenjata.** Kemajuan ini terbukti daripada kegiatan PPK dalam mana anasir<sup>2</sup> bawah tanah memainkan peranan yang sa-makin penting, sesuai dengan keseluruhan ranchangan ini.

32. Lewat tahun 1967, ramai kader<sup>2</sup> kepala batu yang berkechimpong dalam kegiatan terbuka Barisan Bersatu, kebanyakan-nya dari Parti Buroh Malaya (PBM) dan Partai Ra'ayat Malaya (PRM), mula bergerak di-bawah tanah. Ada dua tujuan mereka berbuat demikian. Pertama, sa-bagaimana telah di-sebutkan awal dalam Kertas ini, PKM ketika itu telah pun memutuskan bahawa peralehan dari kegiatan terbuka kapada kegiatan bawah tanah kena di-lakukan untuk membina asas bagi perjuangan bersenjata. Kedua, ramai daripada kader<sup>2</sup> kepala batu ini telah di-ketahui oleh pihak berkuasa di-sebabkan telah mengambil bahagian dalam kegiatan<sup>2</sup> militen terbuka Barisan Bersatu. Oleh itu, terpaksa-lah bergerak di-bawah tanah, supaya terpelihara susunan kader sulit Parti.

33. Ramai kader<sup>2</sup> ini berselerak masuk ka-kawasan<sup>2</sup> luar bandar sa-bagaimana di-ranchangkan. Ada yang di-hantar menyeberang sempadan masuk ka-Thailand Selatan untuk menjadi anggota Pertubohan Penganas Kominis (PPK) di-sana. **Tujuan mereka di-hantar itu menjadi nyata apabila kader<sup>2</sup> ini pulang sa-bagai gerila<sup>2</sup> yang terlately bersama<sup>2</sup> dengan gerombolan<sup>2</sup> penyusup PPK pada akhir tahun 1969.** Salah satu gerombolan saperti itu, dengan di-ketua<sup>2</sup> oleh anasir<sup>2</sup> ini, sampai ka-kawasan Kulim, Kedah, di-mana pengetahuan mereka berkenaan dengan kawasan tempatan dan penduduk<sup>2</sup> telah memudahkan kerja menubuhkan pengkalan<sup>2</sup> gerakan hutan di-sana. Satu gerombolan, di-bawah perintah sa-orang Penganas Kominis berpangkat tinggi, menyusup masuk ka-kawasan Sungai Siput, Perak. Di-sana perhubungan

lama masa Dharurat dahulu telah di-pulehkan dan keluarga<sup>2</sup> pegganas Kominis di-gunakan bagi memberi sokongan yang perlu untuk menubuhkan pengkalan<sup>2</sup> yang sa-rupa.

34. Makin ranchak penyusupan Pertubohan Pegganas Kominis (PPK) berlaku, maka makin jelas-lah kegunaan kader<sup>2</sup> bawah tanah saperti itu sa-bagai anasir pembantu kepada gerombolan<sup>2</sup> gerila Pegganas Kominis. Kader<sup>2</sup> tidak perlu lagi di-hantar ka-Thailand Selatan untuk menerima latehan kerana latehan<sup>2</sup> sudah boleh di-beri oleh gerombolan<sup>2</sup> Pegganas Kominis yang bergerak dalam wilayah Malaysia. Walau bagaimana pun, satu kumpulan telah di-hantar juga ka-Thailand Selatan dari Perlis pada penghujung tahun 1970 untuk di-lateh dalam bidang lain, ia-itu untuk mengambil orang<sup>2</sup> baru dan menjalankan kerja mengkhianat dan membunuh. Kerja pertama yang ditugaskan kepada mereka ia-lah chuba memusnahkan jambatan keretapi di-Sungai Jarak, Province Wellesley, pada 7 Mach 1971. Berikut ini ada-lah kenyataan oleh dua orang yang terlibat dalam kejadian itu, sa-telah di-tangkap:

#### Kes A

"Pada awal bulan Disember 1970, saya telah di-temui dan di-galakkan pergi ka-Thailand Selatan untuk masuk Pertubohan Pegganas Kominis (PPK) oleh XXX . . . . . Kata-nya saya ada-lah di-antara belia<sup>2</sup> yang pertama dari Kampong X di-hantar menjalani latehan PPK. Tidak lama sa-lepas itu XXX telah mengatorkan supaya saya dengan tiga orang lagi di-hantar ka-sabuah kem Pegganas Kominis . . . . . Kami . . . . . sampai di-Sadao . . . . . dengan jalan darat dan kemudian di-bawa melalui jalan ladang, dan sampai di-sabuah kem Pegganas Kominis pada petang itu juga. Ketika sampai, kami telah di-temui oleh sa-orang Pegganas Kominis yang bersenjata dan beruniform. Sa-telah di-perkenalkan Pegganas Kominis itu memberi kami uniform hijau dan . . . . . menyerahkan tiga puchok pistol kepada tiga orang daripada kami termasuk saya sendiri . . . . .

"Kemudian, Pegganas Kominis itu memperkenalkan kami dengan lima orang lagi belia Malaysia yang telah pun sampai lebeh awal. Kami semua tidor sa-malam di-kem itu dan pada petang esok-nya bertolak ka-Markas Rejimen ke-8. Sa-lepas berjalan sa-lama 14 jam melalui ladang<sup>2</sup> getah dan hutan, akhir-nya kami sampai di-Markas tersebut, tempat kami menerima latehan.

"Sa-masa tinggal di-Markas Rejimen ke-8, kami di-beri lathan mengenai:

- (i) Kawad;
- (ii) Menggunakan senjata;
- (iii) Ajaran faham Kominis; dan
- (iv) Membuat alat<sup>2</sup> letopan dan kerja<sup>2</sup> pengkhianatan.

"Kami di-beritahu bahawa PKM sedang membesarkan unit bersenjata-nya dan kami, sa-telah tamat lathan, akan di-hantar balek ka-kampung masing<sup>2</sup> untok merekerut belia<sup>2</sup> lain bagi lathan PPK yang serupa."

#### Kes B

"XXX memberitahu saya sa-telah dia balek bahawa sa-lepas melath belia<sup>2</sup> tempatan dalam kerja<sup>2</sup> membuat alat<sup>2</sup> letopan di-Kampung Baru X, dia berchadang hendak meletopkan jambatan<sup>2</sup> supaya menyebabkan kerugian ekonomi Kerajaan dan memasang periok api di-jalan<sup>2</sup> yang selalu di-gunakan oleh tentera . . . . . Tidak lama kemudian, XXX memberi tahu saya dia tidak dapat menjalankan lathan itu kerana sa-orang anggota Polis tempatan telah datang menyiasat berkenaan dengan kegiatan<sup>2</sup> mereka di-Kampung itu. Kata XXX dia akan menghapuskan anggota Polis itu dahulu; tetapi bukan di-kawasan Kampung X supaya tidak mendatangkan kesusahan kepada penduduk<sup>2</sup> tempatan. Kata XXX dia lebeh suka menunggu hingga suatu masa yang sesuai di-luar kawasan kampung itu . . . . ."

**35. Usaha<sup>2</sup> pun di-jalankan untok mendapatkan lebeh ramai lagi rekrut masok gerombolan<sup>2</sup> penyusup Pengganas Kominis, dan pertubohan<sup>2</sup> bawah tanah memainkan peranan mereka dengan mencharikan orang<sup>2</sup> yang di-perlukan itu. Sumbangan yang terbesar datang-nya dari Barisan Pembebasan Nasional Malaya (BPNM). Rekrut<sup>2</sup> lelaki dan wanita telah di-ambil dari Negeri<sup>2</sup> untok maksud ini. Segala langkah berjaga<sup>2</sup> telah di-ambil untok merahsiakan ranchangan masok ka-dalam hutan ini. Betapa gigh kerja merekrut ini di-jalankan dapat di-tinjau daripada kenyataan yang di-buat oleh sa-orang daripada mereka yang bertanggung jawab, sa-telah dia di-tangkap:**

"Pada 15 Oktober 1970, saya menerima surat dari XXX meminta saya mengambil XXX di-seteshen keretapi . . . . . pada 16 Oktober 1970.

"Jadi, pada 16 Oktober 1970, saya pun mengambil XXX dan membawa dia ka-rumah saya. Sa-masa tinggal dengan saya, XXX memberitahu saya bahawa lima orang dari Negeri<sup>2</sup> lain telah pun di-pilih oleh Pertubohan untok masok PPK . . . . ."

"Pada 20 Oktober 1970 . . . . . lebih kurang jam 1600, sa-lepas membuat hubungan awal dengan Penganas<sup>2</sup> Kominiis . . . . . saya pun keluar dan membawa yang lain masuk. Sa-lepas menyerahkan kumpulan pertama rekrut<sup>2</sup> itu, Penganas Kominiis XXX bertanya kepada saya sama ada dapat atau tidak mengatorkan satu lagi kumpulan untok turut serta dengan mereka dalam beberapa hari yang akan datang-nya.

"Pada 21 Oktober 1970 . . . . . saya menulis sa-puchok surat kepada XXX menyatakan bahawa . . . . . PK XXX minta satu kumpulan lagi di-hantar pada 28 Oktober 1970. XXX dan XXX dari Kedah telah di-pileh. Dia di-kehendaki menchari empat atau lima orang rekrut lagi.

"Pada 28 Oktober 1970 . . . . . sa-lepas menyerahkan rekrut<sup>2</sup> itu kepada Penganas<sup>2</sup> Kominiis, saya berbincang sulit dengan PK XXX. Saya beritahu dia perhubungan telah di-buat dengan Penganas<sup>2</sup> Kominiis di-Perak, dan kami telah pun menghantar lima orang rekrut melaluf<sup>2</sup> dari sana . . . . . Penganas Kominiis XXX memberitahu saya bilangan rekrut<sup>2</sup> itu hendak-lah di-tambah . . . . .

"Pada akhir bulan Nobember 1970, saya mula membuat persediaan yang perlu untok menghantar kumpulan rekrut yang ketiga . . . . .

"Pada 17 Disember 1970, saya dengan . . . . . XXX pergi ka-seteshen keretapi . . . . .

"Lebih kurang jam 1730, keretapi ka-Utara pun sampai, dan XXX kelihatan turun dari keretapi itu di-ikuti oleh tiga orang wanita dan dua orang lelaki . . . . . Kami tidak di-perkenalkan. Oleh itu saya tidak tahu nama orang<sup>2</sup> lain dalam kumpulan itu . . . . .

"Sa-belum saya berlepas, saya telah perentahkan XXX supaya membawa mereka ka-simpang Jalan X . . . . .

"Lebih kurang jam 2000, kedua<sup>2</sup> XXX and XXX pun sampai serentak membawa bersama<sup>2</sup> mereka sa-ramai tiga belas orang rekrut . . . . .

"XXX memberi tahu saya mereka telah putus hubungan dengan dua buah kereta yang penuh dengan rekrut<sup>2</sup> lain di-suatu tempat X (nama tempat). Sa-telah rekrut<sup>2</sup> itu berhimpun, saya pun membawa mereka berjumpa dengan Penganas Kominiis XXX dan memberi tahu-nya apa yang telah berlaku. Dia menjawab tidak mustahak di-tunggu kerana tempat putus perhubungan itu sangat jauh dan apabila mereka sampai kelak hendak-lah di-suroh balek sahaja. Sa-telah orang<sup>2</sup> Penganas Kominiis XXX mengambil rekrut<sup>2</sup> itu, saya pun meninggalkan mereka . . . . ."

## LOJISTIK

36. Sa-bagai satu langkah mendapatkan makanan yang perlu dengan sa-chukup-nya anasir<sup>2</sup> bawah tanah ini menyimpan makanan untok gerombolan<sup>2</sup> PPK di-kawasan<sup>2</sup> PPK telah mengadakan pangkalan<sup>2</sup>. Anggota<sup>2</sup>

bawah tanah di-beri arahan<sup>2</sup> tertentu tentang chara<sup>2</sup> memungut, menyimpan dan menjaga keselamatan bekalan<sup>2</sup> itu. Ini ternyata dalam satu risalah yang di-rampas tidak berapa lama dahulu :

"Sa-belum menjalankan kegiatan<sup>2</sup> seperti itu hendak-lah di-pastikan benar<sup>2</sup> yang keadaan mengizinkan kita berbuat demikian. Jangan sa-kali<sup>2</sup> berbuat sa-suatu yang boleh men-dedahkan kegiatan<sup>2</sup> kita dalam masa menyimpan sa-beberapa banyak makanan yang boleh. Ini akan mengakibatkan tekanan tentera yang lebeh hebat dari pihak musuh dan menggendalakan kemajuan kerja kita pada masa hadapan. Tiga faktor penting hendak-lah di-fikirkan ketika menyimpan bekalan makanan. Pertama, bekalan makanan itu hendak-lah di-bungkus baik<sup>2</sup>; Kedua, hendak-lah barang<sup>2</sup> yang biasa-nya di-dapati, di-mana<sup>2</sup>; Ketiga, hendak-lah dalam keadaan yang baik supaya tidak mudah rosak. Hendak-lah di-tapis betul<sup>2</sup> anggota<sup>2</sup> masa yang akan di-amanahkan menyimpan bekalan<sup>2</sup> makanan itu. Hendak-lah berhati<sup>2</sup> tentang chara<sup>2</sup> membeli makanan itu, jenis bekas<sup>2</sup> yang di-gunakan dan tempat<sup>2</sup> menyimpan-nya, dll. Hendak-lah juga di-choba menyimpan bekalan makanan di-dalam hutan.

"Sa-lain daripada barang<sup>2</sup> keperluan seperti beras, minyak, garam dan gula, kita hendak-lah juga choba sa-beberapa dapat menyimpan makanan dalam tin seperti susu, gandum, kichap dan kacang<sup>2</sup>, dll. jika keadaan mengizinkan. Sa-lanjut-nya elok juga di-simpan kain, kain pelastik, kasut dan lain<sup>2</sup> keperluan, tetapi menyimpan-nya hendak di-kaji betul<sup>2</sup> bagaimana sa-baik<sup>2</sup>-nya menyimpan barang<sup>2</sup> seperti itu".

37. Ada banyak bukti<sup>2</sup> yang menunjukkan bahawa persediaan yang perlu untuk perjuangan bersenjata ini di-lakukan dengan bersungguh<sup>2</sup>. Banyak-nya barang<sup>2</sup> yang di-simpan boleh di-taksirkan dari kenyataan<sup>2</sup> mereka yang terlibat dalam kegiatan ini. Berikut ia-lah kenyataan sa-orang kader Barisan Pembebasan Nasional Malaya (BPNM) mengenai hal ini :

"Lewat bulan September 1970, XXX memberitahu saya XXX akan menyampaikan bekalan<sup>2</sup> kepada Pegganas<sup>2</sup> Komunis dengan lori-nya yang bermuat tiga ton dan sa-belom dia menjalankan pekerjaan itu, saya di-suroh-nya meninjau<sup>2</sup> jalan ka-Ladang X bagi memastikan Pasokan Keselamatan tidak ada di-kawasan itu . . . . .

"Apabila lori itu sampai di-tempat pertemuan, saya nampak lebeh kurang dua puluh orang Pegganas Komunis beruniform. Mereka keluar dari hutan yang berhampiran, dan dengan segera memunggah barang<sup>2</sup> dari lori itu. Bekalan<sup>2</sup> itu di-bawa masuk ka-dalam hutan dan saya tidak tahu di-mana mereka menyimpan-nya . . . . .

"Dalam bulan Nobember 1970 . . . . . XXX telah menghantar sa-lori penuh lagi bekalan<sup>2</sup> kapada Pegganas<sup>2</sup> Kominis dengan lori-nya itu. Tugas saya sa-rupa-lah saperti dahulu, ia-itu meninjau jalan yang akan di-lalui oleh lori itu. Bekalan<sup>2</sup> itu di-punggah oleh kira<sup>2</sup> dua puluh orang Pegganas Kominis yang bersenjata dan beruniform di-pinggir hutan di-Ladang X . . . . .

"Pada awal bulan Disember 1970, saya pergi menemui XXX untok meminjam lori-nya . . . . . Pada hari yang di-tentukan, bekalan<sup>2</sup> makanan telah di-hantar kapada Pegganas<sup>2</sup> Kominis dengan lori yang di-pandu oleh XXX . . . . .

"Sa-kali, ketika menghantar makanan<sup>2</sup> itu, PK XXX menyuruh saya mendapatkan satu kontrek di-Ladang X. Ini akan membolehkan-nya menchari sa-orang untok bekerja di-sana sambil bekerja sa-bagai pembekal makanan kapada Pegganas<sup>2</sup> Kominis."

dan juga, dari kenyataan sa-orang anggota kumpulan kader<sup>2</sup> bawah tanah, yang juga terlibat dalam satu lagi kawasan yang telah di-susupi:

"Pada kali yang kedua saya berhubong dengan Pegganas<sup>2</sup> Kominis . . . . . di-kawasan X, Grik, saya dengan dua orang lagi penoreh getah telah di-suroh oleh Pegganas<sup>2</sup> Kominis itu menganjorkan satu sel . . . . . Tujuan utama-nya ia-lah untok membeli bekalan makanan dan merisik maalamat tentang pergerakan Pasokan Keselamatan di-kawasan itu untok Pegganas<sup>2</sup> Kominis. Kami di-suroh . . . . . membeli dan menyimpan bekalan<sup>2</sup> makanan saperti beras, barang<sup>2</sup> makanan dalam tin, susu, gula, garam, serbok kopi, dan sa-bagai-nya . . . . .

"Pada kali yang ketiga saya berhubong dengan PK pada bulan Januari 1970, saya di-suroh membawakan bekalan<sup>2</sup> itu. Saya pun . . . . . menghubungi anggota<sup>2</sup> gerombolan saya lalu memberitahu mereka berkenaan dengan surohan Pegganas<sup>2</sup> Kominis itu. Pada hari itu juga, mereka membawa bekalan<sup>2</sup> untok PK itu ka-ladang saya . . . . .

"Pegganas<sup>2</sup> Kominis menyuruh kami merekrut lebeh ramai lagi anggota<sup>2</sup> untok sel itu bagi menolong mereka mendapatkan lebeh banyak bekalan makanan . . . . .

"Perhubungan saya yang keempat dengan Pegganas<sup>2</sup> Kominis ia-lah dalam bulan April/Mei 1970. Mereka bertanyakan yang terchapai berhubong dengan pengambilan

lebih ramai anggota. Saya beritahu mereka bahawa saya telah berjaya mengambil lebih ramai anggota<sup>2</sup> baru dan mereka akan mengadakan bekalan<sup>2</sup> tidak lama lagi. Tidak lama kemudian tujuh orang anggota datang menghantar bekalan<sup>2</sup> yang di-jangkakan itu . . . . .

"Saya telah berhubung dan menghantar banyak bekalan makanan, yang di-beli oleh anggota<sup>2</sup> sel saya, dua kali lagi."

38. Kegiatan<sup>2</sup> membekalkan makanan oleh kedua<sup>2</sup> kumpulan yang tersebut ini ada-lah chontoh<sup>2</sup> yang jelas tentang kebolehan Pertubohan Kominis bawah tanah memberi sokongan lojistik kepada PPK.

#### KAWASAN<sup>2</sup> SASARAN YANG TIDAK DI-SUSUPI

39. Di-kawasan<sup>2</sup> yang sudah di-pileh tetapi belum lagi di-susupi oleh gerombolan<sup>2</sup> Penganas Kominis ada bukti<sup>2</sup> bahawa Pertubohan<sup>2</sup> bawah tanah telah membuat persediaan bagi kedatangan sa-mula Pertubohan Penganas Kominis (PPK) yang di-jangkakan. Kader<sup>2</sup> telah pun di-hantar masuk ka-dalam hutan untok menjalani lathen bagi pemberontakan bersenjata dan perentah<sup>2</sup> mengumpulkan makanan telah di-keluarkan. Pengambilan orang<sup>2</sup> baru untok Pertubohan Penganas Kominis (PPK) telah pun di-mulakan, dan sa-bagaimana telah di-nyatakan terdahulu dalam Kertas ini, sa-tengah<sup>2</sup> daripada mereka yang di-pileh telah pun di-hantar untok masuk menyertai gerombolan<sup>2</sup> Penganas Kominis yang sudah kuat bertapak di-beberapa kawasan "hitam" di-Negeri<sup>2</sup> lain. Di-bawah ini ia-lah petekan yang berkenaan daripada satu arahan rahsia yang di-keluarkan oleh sa-orang pemimpin pertubohan BPNM di-salah sa-buah Negeri kepada sa-orang bawahan-nya :

"Keadaan sekarang ada-lah sangat sesuai. Perjuangan bersenjata yang di-pimpin oleh Parti sedang maju sa-chara senyap<sup>2</sup> maju dengan pesat-nya. Kemaraan itu sa-kali bergerak telah sampai ka-kawasan Chemor di-Malaya Tengah dan dapat menghapuskan sa-bilangan askar<sup>2</sup> musuh. Kawasan<sup>2</sup> dari Chemor sampai ka-X (nama tempat) pada suatu masa ada-lah 'kawasan merah' Parti dan kubu Parti Buruh Malaya (PBM). Perwira<sup>2</sup> Rejimen ke-10 tidak lama lagi akan munchol di-X (nama kawasan). Saudara<sup>2</sup> mari-lah

kita semua bersedia dan dengan tabah melaksanakan arahan<sup>2</sup> pertubuhan dan dengan tindakan<sup>2</sup> yang konkrit menuju ka-matlamat kita. Mari-lah kita mengalu<sup>2</sup>kan dengan tindakan yang konkrit ketibaan Tentera Parti kita dengan kejayaan! . . . . .

“Untok mengambil rekrut<sup>2</sup> pada masa akan datang, pertama sakali hendak-lah siasat kedudukan mereka . . . . . Sa-lepas mengkaji-nya, Pertubuhan akan membuat keputusan . . . . . Kerja XXX mengumpul bekalan<sup>2</sup> makanan hendak-lah di-jalankan dengan bersungguh<sup>2</sup>. Sa-lain daripada itu . . . . . sa-tengah daripada rakan<sup>2</sup> XXX di-X (nama tempat) juga akan menerima tugas mengumpul bekalan<sup>2</sup> makanan. Saudara dan XXX hendak-lah memahami sa-penoh-nya perkara ini dan menjalankan-nya di-mana<sup>2</sup> yang mungkin! . . . . .”.

## **BARISAN BERSATU PADA MASA LALU**

### **KEDUDOKAN SEKARANG**

40. Kegiatan terbuka Barisan Bersatu yang telah di-lumpuhkan terus menerus dengan tindakan Kera-jaan, sekarang sudah tidak di-pentingkan lagi dalam susunan keutamaan PKM. Parti Buroh Malaya dan ranting<sup>2</sup> Partai Ra'ayat Malaya (PRM)—yang di-susupi Kominis—yang sekarang di-kenali dengan nama Partai Sosialis Ra'ayat Malaya (PSRM)—sa-bagai kom-ponen utama Barisan Bersatu telah di-biarkan mati beragan. Lapangan buroh boleh di-katakan sudah sepi, sementara barisan penuntut pula pada keseluruhannya sudah tidak chergas, sunggohpun pada masa<sup>2</sup> yang lalu ia di-anggap sa-bagai organisasi yang penting bagi kegiatan<sup>2</sup> terbuka Kominis militan.

41. **Keredaan kegiatan<sup>2</sup> terbuka ini ada-lah sa-jajar dengan dasar PKM sekarang.** Dalam hubungan ini, kandungan sa-puchok surat arahan rahsia yang mem-butirkan langkah<sup>2</sup> yang harus di-ambil untok meng-gembeling sokongan ra'ayat di-dalam dan di-luar bandar ada-lah tepat:

“Dalam mengembangkan kerja<sup>2</sup> mempengaruhi ra'ayat, hendak-lah di-beri perhatian berat kepada kedua<sup>2</sup> golongan ra'ayat yang berlainan ia-itu ra'ayat yang tinggal di-ladang<sup>2</sup>



getah, kampung<sup>2</sup> dan bukit<sup>2</sup> dan ra'ayat yang tinggal di bandar<sup>2</sup> dan sekitar-nya. Ra'ayat gulongan pertama boleh di-hubongi sa-chara langsung atau pun melalui ketua<sup>2</sup> tetapi bagi mereka yang dalam gulongan kedua, perhubungan mestilah di-buat sa-chara tidak langsung. Mereka yang dalam gulongan pertama, jika di-ketahui musoh, boleh kita pindah-kan dan mereka sendiri juga boleh menyamakan kegatan-nya. Sa-balek-nya tidak begitu mudah bagi mereka yang dalam gulongan kedua, kerana sa-kira-nya mereka di-ketahui, mereka dengan senang mungkin jatuh ka-tangan musoh. Oleh itu, bila<sup>2</sup> membuat perhubungan dengan gulongan yang kedua ini perhubungan itu bukan sahaja perlu sa-chara berahsia tetapi juga jangan berbelit<sup>2</sup> supaya mereka tidak terdedah dan dapat berdiam diri beberapa lama. Chara yang di-fikirkan paling baik bagi menghubongi mereka ia-lah melalui gerakan bawah tanah.

"Berusaha-lah menchari sumber<sup>2</sup> revolusioner ra'ayat di-tempat<sup>2</sup> lain melalui ra'ayat tempatan . . . . .  
Buat hubongan sa-chara langsung dengan mereka dan berikan mereka tugas."

## BARISAN POLITIK

42. Kader<sup>2</sup> PBM dan PRM telah mematohi perubahan dasar PKM kapada kegiatan bawah tanah. Dari jumlah lebeh daripada 300 chawangan PBM dan PRM yang di-susupi Kominis, dan di-gunakan untuk memelopori kegiatan terbuka Barisan Bersatu, hanya sedikit sahaja yang maseh bergerak dan itu pun keadaan-nya saperti hidup segan mati tak mahu. Kader<sup>2</sup>-nya sekarang menjadi tulang belakang kapada gerakan bawah tanah Kominis. Mereka di-dapati ada dalam ka-semua pertubohan<sup>2</sup> bawah tanah yang wujud sejak PKM membuat seruan bersedia bagi menjalankan pemberontakan bersenjata, dan ramai daripada mereka telah munchol sa-bagai tokoh<sup>2</sup> yang memimpin badan<sup>2</sup> ini, terutamanya BPNM, yang berazam hendakkan Kominis merebut-kuasa dengan kekerasan bersenjata.

43. Dua orang ahli Jawatankuasa Pusat BPNM adalah kader PBM dan empat orang lagi dari PRM, sementara lain<sup>2</sup> bekas anggota ke-dua<sup>2</sup> parti politik ini telah di-kenali di-kalangan anggota<sup>2</sup> bawahan BPNM.

Ramai daripada mereka sudah pun di-tangkap. Sa-lain daripada itu, sa-bilangan yang tidak dapat di-pastikan telah menyeberang masok ka-Thailand Selatan untuk menjalani latchewan gerila di-bawah Pertubohan Peng-ganas Kominis. Sa-jauh mana bekas kader<sup>2</sup> Barisan Bersatu ini terlibat sekarang dengan Pertubohan Peng-ganas Kominis boleh-lah di-sedari dari apa yang di-katakan oleh sa-orang anggota Chawangan PBM sa-lepas dia di-tangkap:

"Pada pertengahan tahun 1969 XXX menghubungi saya dua tiga kali . . . . . bagi pehak Pertubohan dan PK XXX, untuk mengetahui kejayaan saya dalam kegiatan<sup>2</sup> bawah tanah. Dari perchakapan saya dengan-nya, saya dapat tahu bahawa anggota<sup>2</sup>/Pegawai<sup>2</sup> PBM yang berikut dari Cha-wangan<sup>2</sup> X dan X telah pun masok PPK:

(Senarai tiga belas nama)"

dan dari kenyataan sa-orang anggota sa-buah lagi Chawangan PBM yang juga terlibat:

"Pada pertengahan tahun 1969, XXX memberi tahu saya orang<sup>2</sup> yang berikut akan masok PPK di-X (nama tempat) dalam dua kumpulan untuk menjalani latchewan tentera. Mereka akan balek ka-Kedah sa-telah tamat latchewan.

#### **Kumpulan Pertama**

(Senarai lima nama)

#### **Kumpulan Kedua**

(Senarai tiga nama)

"Sa-belum XXX sendiri masok PPK lewat tahun 1969, dia menerangkan kapada saya bahawa orang<sup>2</sup> yang berikut juga telah masok PPK lebeh awal:

(Senarai tiga nama)".

44. Kesemua rekrut<sup>2</sup> yang di-senaraikan di-atas adalah terdiri samada daripada anggota<sup>2</sup> atau pun pegawai<sup>2</sup> pelbagai Chawangan PBM di-Kedah.

45. Di-antara mereka ini, sa-bagaimana telah di-sebutkan dahulu, ada yang telah pun pulang sa-bagai anggota<sup>2</sup> gerombolan penyusup PK dan bukti<sup>2</sup> mengenai perkara ini telah di-perolehi apabila dua dari tujuh orang Pengganas Kominis yang terbunuh di-kawasan Kulim pada 15 Mei 1971 dapat di-kenali. Sa-orang ia-lah bekas Naib Pengurus PBM Chawangan Serdang di-Kedah dia ternyata menjadi ketua gerombolan PK ini. Yang sa-orang lagi ia-lah bekas anggota PBM dari Kota Tinggi di-Johor yang masok bergerak di-bawah tanah sa-belum menjadi anggota PPK.

46. Oleh yang demikian tidak-lah sa-chara kebetolan sahaja bahawa kawasan<sup>2</sup> yang di-susupi oleh gerombolan<sup>2</sup> penyusup PK itu bukan sahaja bekas kawasan<sup>2</sup> "hitam" keganasan Kominis pada masa Dharurat tetapi juga dahulu-nya menjadi kubu pengarah/PBM dan PRM yang pro-Kominis. Kawasan<sup>2</sup> Kulim, Sungai Siput dan Chemor ada-lah chontoh<sup>2</sup> yang terang mengenai kemiripan ini, dan ini-lah chorak kegiatan penyusupan yang di-jangka di-ikuti oleh PK di-kawasan<sup>2</sup> lain.

#### BARISAN BUROH

47. Kegiatan bawah tanah dalam lapangan buroh sejak tiga tahun lalu telah di-pesatkan kepada usaha<sup>2</sup> menyusun komplot petani-pekerja yang akan di-jadikan asas sokongan massa bagi pemberontakan bersenjata. Prinsip<sup>2</sup> untok pedoman pergerakan buroh bagi menjalankan kegiatan saperti itu telah pun di-tetapkan dalam satu kertas arahan PKM yang menyatakan:

"Perlu-lah di-tegaskan bahawa pada asas-nya hanya dengan ra'ayat gulongan proletar (buroh) sa-bagai pemimpin dan perikatan petani-pekerja sa-bagai asas sahaja baru boleh . . . . . di-chapai kemenangan revolusi . . . . ."

"Semua organisasi hendaklah memberi perhatian berat kepada masalah<sup>2</sup> petani dan berusaha dengan sa-boleh<sup>2</sup>-nya menugaskan kader<sup>2</sup> untuk melancarkan pergerakan petani . . . . ."

"Segala usaha yang kita jalankan adalah untuk memperluas revolusi dan mengalahkan musuh . . . . . Kerja<sup>2</sup> ini termasuk menggiatkan usaha<sup>2</sup> melatoh kader . . . . . menugaskan kader<sup>2</sup> menggerakkan pekerja<sup>2</sup>, petani serta penuntut; menguasai atau pun menubuhkan organisasi<sup>2</sup> ra'ayat di-kalangan pekerja, petani dan penuntut; menyatu-padukan ra'ayat jelata, jangan melepaskan apa<sup>2</sup> peluang yang baik untuk membimbing ra'ayat jelata melakukan perjuangan . . . . ."

48. Arahan<sup>2</sup> PKM itu sudah terlaksana dengan ter-tuboh-nya beberapa organisasi bawah tanah yang akan menampung kaum buroh di-dalam dan di-luar bandar. Tetapi sayugia di-sedar bahawa sa-bilangan besar kader<sup>2</sup> Barisan Bersatu yang berkechimpan dalam kegiatan<sup>2</sup> buroh adalah sa-benar-nya lebeh giat di-barisan politik.

49. Penyelarasan sa-mula barisan buroh supaya sesuai dengan kegiatan bawah tanah tidak-lah sa-bagitu kuat kesan-nya sa-bagaimana yang terdapat dalam barisan politik, tetapi walau bagaimana pun mereka berjaya juga menchapai kemajuan yang di-kehendaki. Dan juga tidak shak lagi ini ada-lah ranchangan yang berselaras, sa-bagaimana di-fahami daripada kenyataan sa-orang kader yang terlibat, saperti berikut:

"Dalam lawatan XXX yang kedua ka-Ladang Getah X, dia menyuruh saya pergi ka-X (nama tempat) untuk menjalankan beberapa kegiatan bawah tanah di-sana . . . . ."

"Pada 1 Februari 1970, menurut arahan itu, saya pergi ka-X (nama tempat) untuk menemui sahabat XXX dari utara Malaya yang di-tugaskan membantu kami dalam kerja<sup>2</sup> itu. Saya di-perkenalkan kepada orang itu dan di-beritahu bahawa dia-lah yang akan menjadi ketua saya menjalankan kegiatan<sup>2</sup> bawah tanah di-kawasan X. Tugas pertama yang di-berikan-nya kepada saya ia-lah menghubongi serta merekrut bekas rakan<sup>2</sup> saya yang bekerja di-Kilang X di-X (nama tempat) yang chergas dalam PBM . . . . ."

50. Sa-orang lagi kader pergerakan buruh yang telah berpaling mencheborkan diri ka-dalam kegiatan bawah tanah dan menjadi sa-orang yang chergas dalam sa-buah organisasi sulit yang berpengkalan di-bandar menyatakan :

"Sa-telah pendaftaran Kesatuan Kebangsaan Pekerja<sup>2</sup> Perusahaan Cetak di-batalkan oleh Kerajaan XXX datang mengajak saya masuk menjadi anggota sa-buah organisasi bawah tanah yang di-kenali sa-bagai Barisan Revolusi Malaya . . . . . "Barisan tersebut di-tubuhkan dalam bulan Julai 1970. Tujuan utama-nya ia-lah untok membuat perhubungan dengan PKM di-sempadan Malaya-Thai, menerima pimpinan dan panduan-nya bagi menyusun dan menyatukan ra'ayat gulungan pekerja di-negara ini dengan matlamat hendak menggulingkan Kerajaan reaksioner Perikatan dengan perjuangan bersenjata . . . . . "

#### BARISAN PENUNTUT

51. Penyertaan penuntut dalam kegiatan<sup>2</sup> bawah tanah ada-lah sa-makin jelas terbukti. Potensi sokongan penuntut memang tidak pernah di-abaiakan oleh pehak PKM dan Parti itu memang tidak putus<sup>2</sup>-nya menegaskan betapa penting-nya di-salorkan tenaga gulungan penuntut<sup>2</sup> yang berdarah muda itu ka-dalam sa-tiap peringkat perkembangan Kominis. Kechenderongan terhadap apa<sup>2</sup> yang berchorak revolusi di-kalangan para penuntut yang ingin mempelopori perubahan sosial memang tidak putus<sup>2</sup> di-eksloit sa-penoh-nya oleh Kominis di-mana<sup>2</sup> sahaja. Dalam keadaan di-negara ini sekarang, PKM sudah pun bergerak untok melibatkan anasir<sup>2</sup> penuntut ka-dalam ranchangan pemberontakan bersenjata-nya. Peranan yang di-ranchangkan untok penuntut<sup>2</sup> sudah pun di-tentukan dalam arahan dasar PKM yang di-Keluarkan dalam bulan Ogos 1969. Petekan sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Fikiran penuntut<sup>2</sup> yang maseh remaja beransor<sup>2</sup> di-tanami dengan semangat revolusi. Perhebatkan kegiatan<sup>2</sup> penuntut dari semua kaum di-sekolah<sup>2</sup> menengah dan

universiti; semaikan pada dirikan mereka ajaran<sup>2</sup> Mao Tse Tung dan masaalah<sup>2</sup> hidup yang sa-benar-nya; bantu mereka supaya mudah menerima hakikat<sup>2</sup> revolusi dan berganding bahu bersatu tenaga dengan pekerja<sup>2</sup> dan petani; bimbing mereka ka-arrah chita<sup>2</sup> memenohi hasrat revolusi supaya sedia menyertai perjuangan menentang musuh serta mencheborkan diri dalam revolusi di-bawah pimpinan Parti Komunis."

52. Arahan PKM ini terbayang dengan tepat-nya dalam perintah yang di-keluarkan oleh BPNM pada bulan Jun 1970, dan yang lebeh lengkap butir<sup>2</sup>-nya, saperti di-perturunkan di-bawah ini:

"Pergerakan penuntut tidak dapat di-pisahkan dengan perjuangan revolusi, dan penuntut<sup>2</sup> yang remaja ada-lah salah satu sumber mendapatkan kader<sup>2</sup>. Pada masa ini fikiran penuntut<sup>2</sup> yang remaja itu sedang beransor<sup>2</sup> di-tanami dengan semangat revolusi. Oleh itu ada-lah perlu di-pergiatkan pergerakan<sup>2</sup> penuntut di-sekolah<sup>2</sup> menengah dan di-universiti; menyemaikan pada fikiran mereka ajaran<sup>2</sup> Mao Tse Tung dan masaalah<sup>2</sup> hidup; bantu mereka supaya mudah menerima kebenaran; bersatu dengan golongan<sup>2</sup> pekerja petani dan pejuang<sup>2</sup> revolusioner dan galakan mereka mengambil bahagian dalam perjuangan menentang musuh melalui jalan<sup>2</sup> revolusi bersenjata di-bawah pimpinan Parti Komunis."

53. Ada-lah jelas-lah bahawa dasar ini sedang di-laksanakan sekarang. **Pertubohan<sup>2</sup> bawah tanah penuntut tumbuh saperti chendawan di-sana sini di-seluroh negara dan ada bukti<sup>2</sup> yang jelas menunjukkan bahawa semua kegiatan<sup>2</sup> berchorak revolusi mereka itu di-selaraskan oleh suatu kuasa pusat.** Ini-lah apa yang di-katakan oleh sa-orang anggota kanan sa-buah organisasi bawah tanah penuntut yang di-kenali sa-bagai Liga Belia Komunis Malaya (LBKM), sa-lepas ia di-tangkap:

"Lewat bulan Disember 1969, saya di-beritahu oleh XX . . . . . bahawa Organisasi telah memutuskan hendak menghantar saya ka-Negeri X untuk membantu dalam kerja<sup>2</sup> di-sana. Ini ada-lah sa-laras dengan dasar Organisasi bagi menjaga/melindongi kader<sup>2</sup> 'merah' ia-itu dengan memindahkan mereka ka-kawasan<sup>2</sup> selamat. Mereka yang sedang di-buru dan tidak dapat bergerak sa-chara sendirian, akan di-pindahkan ka-dalam Unit Bersenjata; tetapi siapa<sup>2</sup> yang

boleh bergerak sendiri akan di-tempatkan terus di-dalam 'wilayah yang di-kawal musuh' untuk menjalankan kerja<sup>2</sup> di-kalangan massa di-kawasan<sup>2</sup> selamat.

"Saya telah di-beri 4 tugas penting seperti berikut untuk di-jalankan di-Negeri X:

- (i) . . . . mengukuhkan perpaduan gulongan<sup>2</sup> sayap kiri di-kawasan X;
- (ii) Merekrut anggota untuk organisasi revolusioner yang akan di-tubuhkan pada suatu ketika nanti;
- (iii) Menjalankan kerja<sup>2</sup> da'ayah dan mengajar ra'ayat mengenai garis<sup>2</sup> perjuangan yang betul menurut pendapat Parti Kominis Malaya; dan
- (iv) Menaikkan semangat revolusi di-kalangan rakan<sup>2</sup> sa-perjuangan dengan menda'ayahkan kejayaan<sup>2</sup> chemerlang Tentera Pembebasan Nasional Malaya."

54. Sa-orang lagi kader penuntut yang di-tangkap pada 23 April 1971, ketika dia sedang melekatkan poster<sup>2</sup> da'ayah PKM, menerangkan bagaimana dia telah tertarek hati dan akhir-nya mencheborkan diri ka-dalam kegiatan<sup>2</sup> sa-buah organisasi bawah tanah lain yang menggelarkan diri Kesatuan Penuntut<sup>2</sup> Revolusioner Sa-luroh Pulau Pinang (KPRSPP). Dia menyatakan:

"Sa-telah berkenalan dengan XXX (*Chatitan*: sa-orang anggota kanan KPRSPP), sa-masa berkelah dalam bulan Nobember 1970, dia pun mula mengunjongi saya . . . . dalam bulan Februari 1971 . . . . Sejak itu, dia datang ka-rumah saya mengajar ilmu hisab sa-kurang<sup>2</sup>-nya 2 atau 3 kali sa-minggu . . . . Pada masa belajar itu-lah dia menyisipkan perkara<sup>2</sup> politik untuk perbincangan. Kata-nya Kerajaan Malaysia bersikap tidak adil dan penganggoran berleluasa. Kata-nya juga gulongan<sup>2</sup> kaya yang minoriti menindas dan memeras gulongan<sup>2</sup> pekerja yang jauh lebeh ramai sedangkan penghidupan mereka menderita. Lebeh<sup>2</sup> lagi dia mengecham kenaikan chukai<sup>2</sup> dan perbelanjaan hidup yang sa-makin meningkat. Sa-balek-nya, kata dia, ra'ayat di-negeri China hidup dengan sempurna dan semua-nya mempunyai pekerjaan dan di-beri layanan yang sama. Kata-nya lagi, pelajaran di-negeri itu di-beri dengan perchuma sa-hingga ka-peringkat University. Dia menghubungkan ka-semua-nya ini dengan kebaikan fahaman Kominis dan dia menekankan bahawa sa-tiap orang hendak-lah membantu dalam usaha membentuk

sa-buah Republik Sosialis di-negara kita, dalam mana tidak akan terdapat pemerasan dan penindasan dan tiap<sup>2</sup> orang akan di-beri pekerjaan serta layanan yang sama.”

55. Sa-orang lagi kader penuntut yang di-rachun fikiran-nya dan terpedaya dengan proses indoktrinasi Kominis saperti ini telah menyatakan :

“Pada suatu hari, dalam bulan Ogos/September 1970, XXX menyuruh saya pergi ka-bilek-nya di-Jalan X . . . . . saya telah di-terima sa-bagai sa-orang ahli yang di-perchayai menunjukkan kemajuan dalam Hsueh Hsih (indoktrinasi Kominis) bagi memahami pelbagai aspek perjuangan revolusi, maka saya telah di-terima sa-bagai sa-orang ahli yang di-perchayai dalam sa-buah pertubohan sulit yang bernama Kesatuan Penuntut<sup>2</sup> Revolusioner Seluruh Pulau Pinang. Dia menerangkan bahawa tujuan Kesatuan ini ia-lah hendak menyatu dan mengekalkan semangat dan tenaga revolusi semua penuntut yang progresif di-Pulau Pinang, dengan matlamat hendak menggulingkan Kerajaan Malaya yang palsu dan mencapai kebebasan nasional . . . . . Pada suatu malam dalam bulan Januari 1970 . . . . . dia memberitahu ada satu lagi organisasi yang menggalakkan pejuang<sup>2</sup> revolusi muda . . . . . supaya menyokong perjuangan Kominis. Organisasi itu kata-nya ia-lah Liga Belia Kominis Malaya . . . . .”

56. Peri banyak-nya chara dan bentok penyertaan penuntut<sup>2</sup> dalam kegiatan<sup>2</sup> bawah tanah Kominis dapat di-lihat daripada apa yang di-nyatakan oleh dua orang penuntut lagi. Sa-orang daripada-nya pernah di-buang dari Universiti Nanyang dan yang sa-orang lagi ia-lah siswazah dari universiti tersebut. Penuntut yang kena buang itu, yang terlibat lebeh lama mengaku :

“Dalam bulan Mach/April 1967, dengan nasehat dan helah saya, Jawatan Kuasa PRM Chawangan X telah mengadakan suatu meshuarat Jawatan Kuasa lalu meluluskan satu usul menyingkirkan XXX daripada . . . . . Chawangan . . . . . Tujuan saya menyingkirkan XXX itu ia-lah kerana hendak menyusun sa-mula kegiatan<sup>2</sup> Parti supaya dapat membentok suatu kumpulan kader<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> bersemangat revolusioner dan menghantar mereka ka-beberapa tempat di-X (nama Negeri) untuk menyatu-padukan tenaga<sup>2</sup> revolusioner di-Negeri itu.”



57. Yang sa-orang lagi, sa-orang anggota kanan BPNM, telah terlibat dalam kegiatan<sup>2</sup> da'ayah yang di-lakukan oleh pertubohan itu dalam bulan April tahun 1970 berupa berbagai<sup>2</sup> perbuatan menaikkan bendera, menabor risalah dan memasang perangkap maut. Kata-nya:

"Pada awal bulan Februari 1970, saya telah di-beritahu dengan rasmi-nya yang saya telah di-lantek sa-bagai sa-orang (ahli) Jawatan Kuasa Daerah . . . . . dalam pertubohan . . . . . di-kenali sa-bagai Barisan Pembebasan Nasional Malaya (BPNM) . . . . . Tujuan<sup>2</sup> pertubohan itu ada-lah seperti berikut:

- (i) Menggunakan ajaran<sup>2</sup> Mao sa-jauh mana yang sesuai dengan keadaan tempatan;
- (ii) Merintis jalan ka-arrah perjuangan bersenjata bagi 'mengepong kawasan<sup>2</sup> bandar dari desa'; dan
- (iii) Membuat persiapan<sup>2</sup> dalam 'kawasan<sup>2</sup> yang di-duduki oleh musuh' untok perjuangan bersenjata kelak".

## PENUTUP

58. Perkembangan<sup>2</sup> yang berlaku dalam masa tiga tahun yang lalu sejak PKM menyatakan hasrat-nya hendak mengulangi perjuangan bersenjata-nya telah menunjukkan bahawa Parti itu telah berjaya mendapat sedikit sa-banyak kemajuan membuat persediaan<sup>2</sup> awal yang perlu untuk menchapai matlamat-nya ini.

59. Beberapa kawasan jauh ka-dalam wilayah Malaysia telah pun dapat di-susupi oleh anasir<sup>2</sup> Peng-ganas Kominis. Kejayaan mereka ini ada-lah di-sebabkan ada-nya sokongan<sup>2</sup> yang di-berikan dengan suka hati oleh sa-bilangan kechil penduduk<sup>2</sup> yang bersimpati dengan niat burok Kominis dan dengan tipu daya Kominis menggunakan sentimen, ugama atau per-hubungan keluarga terhadap orang<sup>2</sup> yang mudah di-pengarohi.

60. Keadaan yang ujud akibat perkembangan ini mesti-lah di-pandang berat tetapi tidak harus di-besar<sup>2</sup>-kan. Ini-lah salah satu sebab Kerajaan mengeluarkan Kertas Putih ini, ia-itu supaya ra'ayat mengetahui dengan jelas akan kedudukan yang sa-benar-nya dan tidak terpedaya dengan khabar<sup>2</sup> angin dan tekaan<sup>2</sup> yang mungkin memberi gambaran salah, dengan demikian menguntong Kominis.

61. Tujuan utama Kertas Putih ini ia-lah hendak mendedahkan segala tektik<sup>2</sup> jahat yang di-gunakan oleh Parti Kominis Malaya untuk memajukan ran-changan<sup>2</sup> pemberontakan bersenjata-nya supaya ra'ayat lebeh mudah mengenali mereka, dengan demikian dapat-lah ra'ayat bertindak dengan lebeh berkesan di-samping Kerajaan bagi menentang musuh yang choba merasok dan merosakkan negara kita.